



United Nations  
Educational, Scientific and  
Cultural Organization

UNESCO Bangkok  
HIV/AIDS Coordination and School Health Unit

# Ringkasan

**Konvensyen-konvensyen dan Undang-undang yang Menjamin Hak Sama Rata Semua Kanak-kanak untuk Kualiti Pendidikan di Persekutaran yang Menyeluruh**  
**Edisi Malaysia**



**Hak Setiap Kanak-Kanak:** Untuk dilahirkan, untuk mempunyai nama dan kewarganegaraan; Untuk mempunyai keluarga yang akan menjaga dan menyayangi; Untuk tinggal di dalam komuniti dan persekitaran yang aman dan damai; Untuk mempunyai makanan yang mencukupi dan tubuh badan yang aktif dan sihat; Untuk mendapatkan pendidikan yang baik dan membentuk potensi diri; Untuk diberi peluang untuk bermain dan beriadah; Untuk dilindungi daripada penderaan, eksloitasi, kecuaian, keganasan dan bahaya; Untuk dipertahankan dan diberi bantuan oleh kerajaan; Untuk berupaya mengekspresi pandangan saya sendiri.

**Ringkasan : Konvensyen-konvensyen dan Undang-undang yang Menjamin Hak Sama Rata Semua Kanak-kanak untuk Kualiti Pendidikan di Persekutuan yang Menyeluruh, Malaysia.**  
Bangkok: UNESCO Bangkok, 2008, 52 p.

1. Right to education.
2. Inclusive education.
3. AIDS.
4. Educational quality.
5. Educational legislation.
6. Malaysia.
7. Guides.

ISBN 978-92-9223-161-3 (Print version)  
ISBN 978-92-9223-162-0 (Electronic version)

Idea, editing and development:

Terje Magnussønn Watterdal, Alexander Thomas Hauschild, Simon Baker, Linda Santiago Posadas and Mira Fajar

Development:

IDPN Indonesia, Braillo Norway and IDP Norway

Cover photos: PROSTAR, the Malaysian Ministry of Health

© UNESCO 2008

Published by the  
UNESCO Asia and Pacific Regional Bureau for Education  
920 Sukhumvit Rd., Prakanong  
Bangkok 10110, Thailand

Printed in Indonesia

The designations employed and the presentation of material throughout the publication do not imply the expression of any opinion whatsoever on the part of UNESCO concerning the legal status of any country, territory, city or area or of its authorities, or concerning its frontiers or boundaries.

HIV/AIDS/07/OP/078-1000

# Foreword

This Compendium has been developed to ensure that all children who are vulnerable to exclusion and marginalisation are able to realise their right to quality education in an inclusive setting. The Government of Malaysia have taken positive actions to improve the education sector, where children continue to be marginalised in or excluded from schooling because of disabilities, gender, HIV and health status as well their social, economic, cultural, ethnic, language and religious backgrounds.

This Compendium is an important tool in creating awareness among key government and non-government stakeholders about the legal and moral right all children have to education, care and protection. These rights translate into legal obligation of all government and non-government organisations, in particular those who are responsible for education, health and social services to remove the barriers to learning, development and participation many children continue to experience in schools and communities.

Schools and communities should embrace diversity and provide all children quality education in an inclusive and child-friendly environment. Education and health authorities should in close collaboration offer all children who are living with HIV access to free education and health care services in their home communities - without discrimination - while children with disabilities should have access to quality education in their neighbourhood schools together with their non-disabled siblings and peers. The diversity found in communities throughout Malaysia should be reflected in schools so that children with their different strengths, abilities and backgrounds can play, learn and grow up together.

This Compendium is a timely and important initiative. The development of inclusive and child-friend schools as well as the education sector response to HIV and AIDS are important elements in the struggle towards education for all [EFA]. The conventions, declarations and laws contained in this Compendium can be used by legislators, education and health officials, university lecturers, principals, head-masters, teachers, education and child-rights activists as well as parents and children to ensure that all children - without exception - are included in education and can attend schools together with their siblings and peers.

The goal of education for all can only be achieved if authorities, schools and communities recognise their legal and moral responsibility towards all children. We hope that this Compendium will help all those involved in education to fulfil their responsibilities to offer all children free access to schools that will enable them to develop their full academic, social, emotional and physical potential.

# Foreword

The publication of this compendium is sincerely welcomed as it creates awareness of the various issues and factors concerning disabilities, education and children in Malaysia.

Education authorities, parents, schools and communities have a legal and moral duty to ensure that the basic human right to quality education, care, protection and non-discrimination of a child is enforced.

Children with disabilities have the right to quality education as their peers. Education with an inclusive and child-friendly environment is the key to integrating all children, whatever their abilities, disabilities and background. It is very crucial to include special needs children as they are normally marginalised or excluded.

Government education authorities, educators, schools, higher learning institutions and non-governmental organisations have made great progress over the years in the area of inclusive education. They still continue with their endeavours to move forward and further progress in creating a conducive and inclusive education environment for all.

This compendium brings to attention all the efforts carried out to make inclusive education a reality for all in Malaysia. Children regardless of their disabilities and background should have access for equal opportunities to develop, learn and participate actively and positively.

It is hoped that this compendium is an eye-opener for all especially for those involved in the continuous improvement of the education system towards ensuring quality Education for All.

We would like to sincerely thank UNESCO Office for its support on the publication of this compendium and gratitude is also extended to BRAILLO NORWAY and IDP NORWAY for their support and contributions as well.

Prof. Datuk Dr. Ismail Md. Salleh  
Chairman, East Asia Region  
International Council for Education of People with Visual Impairment (ICEVI)

President  
Malaysian Association for the Blind  
Tun Hussein Onn National Eye Hospital

# Pengenalan

Semua kanak-kanak - tanpa mengira keupayaan dan ketidakupayaan mereka, jantina mereka, sosial, ekonomi, kebudayaan, latarbelakang etnik dan agama mereka, atau HIV dan taraf kesihatan mereka - mempunyai hak yang sama rata untuk kualiti pendidikan, penjagaan dan perlindungan. Untuk mencapai matlamat ini adalah penting untuk sekolah-sekolah, komuniti-komuniti, pusat kepercayaan dan organisasi bukan kerajaan yang lain, termasuk pihak berkuasa pendidikan dan kesihatan menyedari tanggungjawab perundangan dan mereka bertindak keatasnya. Usaha ke arah Pendidikan untuk Semua [EFA] seharusnya komprehensif dan holistik - pendidikan, kesihatan dan sektor sosial seharusnya bekerja bersama-sama dan mengkoordinasi program-program mereka.

Sektor pendidikan mesti menunjukkan kepimpinan dan keberanian dalam mempertahankan hak semua kanak-kanak untuk pendidikan, penjagaan dan perlindungan. Sekolah-sekolah dan pihak berkuasa pendidikan mesti memberikan respon yang efektif terhadap pelbagai cabaran yang mereka hadapi di dunia pada hari ini, di antara yang lain; peperangan dan konflik ketenteraan, perselisihan sivil dan keagamaan, ketidakadilan ekonomi dan sosial, diskriminasi dan ketidaksabaran, dadah, wabak HIV dan AIDS serta bencana alam.

Menjawab persoalan ini dan cabaran lain dengan berkesan, pemimpin-pemimpin dalam komuniti, sekolah-sekolah, organisasi-organisasi swasta dan kementerian kerajaan serta masjid-masjid, kuil-kuil dan gereja-gereja mesti menerajui "...dengan wawasan yang jelas dan tindakan imaginatif... Mereka akan menghadapi keputusan-keputusan yang sukar, dan mereka mesti menghasilkan jawaban-jawaban yang berani dan inovatif. Inilah tujuan adanya pemimpin..." Nelson Mandela

Kanak-kanak dan pemuda pemudi mengembangkan ilmu pengetahuan, nilai-nilai dan kemahiran-kemahiran di sekolah yang akan membimbing mereka melalui kehidupan. Sekolah-sekolah menyeluruh dan mesra kanak-kanak adalah direka untuk menjadi responsive terhadap keperluan-keperluan individu semua pelajarnya, dengan demikian membantu mereka mengembangkan harga diri, dan kemahiran-kemahiran yang penting untuk melindungi diri mereka dan orang lain daripada diskriminasi, penderaan, keganasan, dadah dan HIV. Dalam sekolah-sekolah menyeluruh dan mesra kanak-kanak, kanak-kanak dan pemuda pemudi akan belajar untuk menghadapi kepelbagaian. Mereka akan mengembangkan empati dengan sesiapa yang

lemah terhadap keterpinggiran dan pengecualian - membantu memastikan sekolah-sekolah dan komuniti-komuniti menjadi menyeluruh untuk semua.

Di samping beberapa konvensyen antarbangsa serta undang-undang negara yang menjamin semua kesamarataan kanak-kanak dalam mengakses pendidikan beribu-ribu kanak-kanak usia persekolahan di Malaysia masih tidak bersekolah. Sebahagian kanak-kanak tidak pernah mendaftar manakala yang lain-lain tercicir atau dibuang sekolah, seringkali karena pihak berkuasa pendidikan dan sekolah-sekolah tidak menyedari sepenuhnya tanggungjawab perundangan mereka untuk menyediakan pendidikan berkualiti untuk semua kanak-kanak.

Oleh itu, dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran di kalangan ahli majlis perundangan, pegawai kerajaan, pensyarah-pensyarah universiti, pengetua-pengetua, guru besar-guru besar, guru-guru, pelajar-pelajar, ibu bapa, aktivis-aktivis pendidikan, dan pemegang saham utama yang lain, mengenai tanggungjawab-tanggungjawab perundangan dan moral mereka, kami telah mengembangkan satu Ringkasan yang boleh didapati dan mesra pengguna untuk pendekatan berteraskan hak terhadap pendidikan.

Ringkasan tersebut adalah himpunan versi-versi pendek petikan daripada konvensyen-konvensyen, perjanjian-perjanjian, undang-undang, pengisytiharan dan cadangan-cadangan yang relevan. Versi-versi penuh boleh didapati dalam talian serta melalui Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis AIDS Malaysia [MAC], UNESCO DAN UNICEF.

Adalah menjadi harapan kami agar Ringkasan versi Malaysia akan menjadi alat yang penting dalam membina kesedaran di kalangan, dan menggalakkan sambutan daripada pemegang saham utama, bagi menjamin akses sama rata dan hak semua kanak-kanak untuk kualiti pendidikan, penjagaan dan perlindungan dalam sebuah persekitaran yang menyeluruh. Edisi-edisi Ringkasan seterusnya seharusnya diteruskan sebagai perbincangan mengenai pendekatan berteraskan hak untuk perkembangan pendidikan, penjagaan dan perlindungan serta pemegang saham tambahan menyertai usaha ini - memastikan bahawa semua kanak-kanak pada masa depan boleh membesar, bermain dan belajar bersama-sama di persekitaran yang menyeluruh dan mesra kanak-kanak - tanpa takut akan diskriminasi, terpinggir dan pengecualian.

# Daftar Isi

## Dokumen

■ Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat	6
■ Perlembagaan Persekutuan	8
■ Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak	10
■ Akta Kanak-Kanak	12
■ UNGASS Deklarasi Komitmen ke atas HIV/AIDS	14
■ UNGASS Deklarasi Politikal ke atas HIV/AIDS	16
■ HIV dan AIDS	18
■ Konvensyen Menentang Diskriminasi Dalam Pendidikan	20
■ Deklarasi Dunia terhadap Pendidikan untuk Semua	22
■ Kenyataan dan Rangka Kerja Salamanca untuk Tindakan	24
■ Rangka Kerja Dakar - Pendidikan Untuk Semua	26
■ Matlamat Pembangunan Milenium	28
■ Akta Pendidikan	30
■ Deklarasi Bangkok ke atas Persidangan Menteri - Menteri Pendidikan Asia Tenggara	32
■ Cadangan-cadangan dari Simposium Antarbangsa: Penglibatan dan Penyingkiran Halangan untuk Pembelajaran, Mengambil Bahagian dan Pembangunan	34
■ Inklusi	36
■ Sekolah Mesra Kanak-Kanak	37
■ Peraturan Piawaian Terhadap Peluang-Peluang Sama Rata Bagi Orang-orang Kurang Upaya	38
■ Konvensyen PBB ke atas Hak-hak Orang Kurang Upaya	40
■ Konvensyen Orang Asli Dan Puak	42
■ Persidangan Jenis-Jenis terburuk Buruh Kanak-Kanak	44
■ Rang Undang-Undang Antipemerdagangan Orang	46
■ Persidangan untuk Menghapuskan Segala Bentuk Diskriminasi ke atas Wanita	48

# Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat

## Mukkadumah

[...] Bahawasanya Negara-Negara Anggota telah berikrar untuk masing-masing mencapai, dengan kerjasama Bangsa-Bangsa Bersatu, pengutaraan kehormatan sejahtera terhadap, serta pematuhan, hak asasi manusia dan kebebasan asasi. Bahawasanya satu fahaman bersama terhadap hak serta kebebasan ini seluruhnya adalah terpenting demi menjadikan ikrar ini kenyataan sepenuhnya. MAKA DENGAN INI Perhimpunan agung mengisytiharkan Perisyiharan sejahtera hak asasi manusia ini sebagai suatu ukuran bersama terhadap pencapaian oleh seluruh umat manusia dan kesemua negara dengan tujuan supaya setiap individu dan setiap badan masyarakat, dengan senantiasa mengingati Perisyiharan ini, hendaklah berazam melalui pengajaran dan pendidikan bagi memajukan sanjungan terhadap seluruh hak-hak dan kebebasan ini dan secara langkah-langkah berperingkat-peringkat, di bidang negara dan antarabangsa, bagi menjaminkan pengiktirafan dan pematuhan sejahtera yang berkesan, kedua-duanya di antara negara-negara anggota masing-masing dan rakyat wilayah-wilayah di bawah bidangkuasa mereka.

## Perkara 1

Semua manusia dilahirkan bebas dan samarata dari segi kemuliaan dan hak-hak. Mereka mempunyai pemikiran dan perasaan hati dan hendaklah bertindak di antara satu sama lain dengan semangat persaudaraan.

## Perkara 2

Setiap orang adalah berhak kepada semua hak-hak dan kebebasan yang termaktub dalam Perisyiharan ini, tanpa sebarang apa jua pembezaan, seperti bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, faham politik atau lain-lain fahaman, asal-usul bangsa keturunan atau sosial harta-benda, kelahiran atau apa-apa taraf lain. Seterusnya, tiada sebarang pembezaan boleh dibuat berdasarkan pada taraf politik atau bidangkuasa ataupun antarabangsa sesebuah negara atau wilayah datangnya seseorang itu, sama ianya merdeka, berauanah, tanpa pemerintahan sendiri atau berada di bawah apa-apa sekatan kedaulatan lainnya.

## Perkara 15

1. Setiap orang adalah berhak kepada suatu kewarganegaraan.
2. Tiada sesiapa pun boleh dilucutkan kewarganegaraannya secara sewenang-wenangnya atau dinafikan hak menukar kewarganegaraannya.

## Perkara 25

1. Setiap orang adalah berhak kepada suatu taraf hidup yang memadai bagi kesihatan dan kebajikan diri dan keluarganya, termasuklah makanan, pakaian, perumahan dan pengawasan perubatan serta perkhidmatan sosial yang perlu, dan berhak kepada perlindungan ketika berlakunya pengangguran, kesakitan, ketidakupayaan, diperjandaan, keuzuran atau lain-lain kekurangan kehidupan dalam keadaan di luar kawalannya.
2. Ibu dan anak adalah berhak kepada jagaan serta bantuan khas. Semua kanak-kanak, samada dilahirkan di dalam maupun di luar nikah, hendaklah menikmati perlindungan sosial yang sama.

## Perkara 26

1. Setiap orang adalah berhak kepada pelajaran. Pelajaran hendaklah diberikan percuma, sekurang-kurangnya pada peringkat awal dan asasnya. Pelajaran peringkat awal hendaklah diwajibkan. Pelajaran teknikal serta profesional hendaklah disediakan untuk umum dan pelajaran tinggi hendaklah mempunyai akses yang samarata kepada semua orang atas dasar kebolehan.
2. Pelajaran hendaklah ditujukan kepada perkembangan sepenuhnya keperibadian manusia dan ke arah memperkuatkan lagi rasa hormat bagi hak-hak dan kebebasan asasi manusia, lantaran hendaklah memupuk persefahaman, kesabaran dan persahabatan di kalangan semua negara, bangsa atau kumpulan-kumpulan ugama, dan hendaklah memajukan segala kegiatan Bangsa-Bangsa Bersatu demi memelihara keamanan.
3. Ibu-bapa mempunyai hak terdahulu untuk memilih jenis pelajaran yang akan diberikan kepada kanak-kanak mereka.

Pendidikan menyeluruh adalah satu hak asasi manusia, ia adalah pendidikan yang baik dan ia menghasilkan pertimbangan sosial yang baik

#### HAK ASASI MANUSIA

1. Semua kanak-kanak berhak untuk belajar bersama-sama.
2. Kanak-kanak tidak seharusnya diperkecil atau didiskriminasi dengan disisih atau diantar ke tempat lain kerana kekurangan atau kesukaran pembelajaran mereka.
3. Orang dewasa yang kurang upaya, menggambarkan diri mereka sendiri sebagai orang-orang yang terselamat di sekolah khas, mendesak untuk mengakhirkan pengasingan.
4. Tiada sebab-sebab perundangan untuk memisahkan kanak-kanak daripada pendidikan mereka. Kanak-kanak memiliki bersama - dengan kelebihan-kelebihan dan faedah-faedah untuk semua. Mereka tidak perlu dilindungi daripada satu sama lain.

#### PENDIDIKAN YANG BAIK

5. Kajian menunjukkan kanak-kanak melakukan yang lebih baik, dari segi akademik dan sosial, dalam persekitaran menyeluruh.
6. Tidak terdapat pendidikan atau penjagaan di sekolah yang diasangkan yang tidak mengambil tempat di sekolah biasa.
7. Dengan komitmen dan sokongan khas, pendidikan menyeluruh adalah satu penggunaan yang lebih efisyen dalam sumber-sumber pendidikan.

#### PERTIMBANGAN SOSIAL

8. Pengasingan mengajar kanak-kanak menjadi takut, jahil dan menimbulkan prasangka.
9. Semua kanak-kanak memerlukan pendidikan yang akan membantu mereka mengembangkan perhubungan dan menyediakan mereka di dalam arus kehidupan.
10. Hanya dengan penyertaan mempunyai potensi untuk mengurangkan rasa takut dan membina persahabatan, saling menghormati dan persefahaman.

Apakah perkaitan antara hak asasi manusia dengan HIV/AIDS?

Hak asasi manusia tidak dapat dipisahkan dengan perkaitan di antara penyebaran dan kesan HIV/AIDS terhadap individu-individu dan komuniti di seluruh dunia. Kurangnya rasa hormat terhadap hak asasi manusia menjadi bahan api kepada penyebaran dan memburukkan lagi kesan penyakit tersebut, di mana pada masa yang sama HIV / AIDS melemahkan perkembangan terhadap kesedaran dalam hak asasi manusia. Perkaitan ini adalah jelas dalam kejadian berkadar tidak seimbang dan penyebaran penyakit antara kumpulan-kumpulan tertentu yang, bergantung kepada jenis wabak dan kemasyarakatan yang lazim, keadaan perundangan dan ekonomi, termasuk wanita dan kanak-kanak, dan terutamanya mereka yang hidup dalam kemiskinan. Ia juga termasuk hakikat yang jelas di mana beban yang beban berat wabak pada hari ini ditanggung oleh Negara-negara membangun, di mana penyakit tersebut boleh mengancam menterbalikkan pencapaian-pencapaian mustahak dalam pembangunan manusia. AIDS dan kemiskinan kini saling mengukuhkan kuasa-kuasa negatif dalam banyak negara-negara membangun.

[OHCHR; <http://www.ohchr.org/english/issues/hiv/introhiv.htm>]



# Perlembagaan Persekutuan

## Perkara 5

(1) Tiada seseorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali menurut undang-undang.

(b) menubuh dan menyenggara yayasan-yayasan bagi maksud-maksud agama atau khairat; dan  
(c) memperoleh dan mempunyai harta serta memegang dan mentadbirkannya mengikut undang-undang.

## Perkara 6

(1) Tiada sesiapa pun boleh ditahan sebagai abdi.  
(2) Segala jenis kerja paksa adalah dilarang, tetapi Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan bagi perkhidmatan kerahan bagi maksud-maksud negara.

## Perkara 8

(1) Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.  
(2) Kecuali sebagaimana dibenarkan dengan nyatanya oleh Perlembagaan ini, tidaklah boleh ada pembezaan terhadap warganegara semata-mata oleh sebab agama, kaum, keturunan atau tempat lahir dalam mana-mana undang-undang atau dalam perlantikan bagi apa-apa jawatan atau pekerjaan dibawah sesuatu pihakberkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang berkenaan dengan memperolehi, memegang atau melepaskan harta atau berkenaan dengan menubuh atau menjalankan apa-apa tred, perniagaan, profesyen, vokesyen atau pekerjaan.  
(3) Tidaklah boleh ada pembezaan bagi faedah seseorang oleh sebab ia seorang rakyat Raja bagi mana-mana negeri.  
(4) Tiada sesuatu pihakberkuasa awam boleh membezakan seseorang oleh sebab ia bermastautin atau menjalankan perniagaan di mana-mana bahagian Persekutuan di luar bidangkuasa pihak berkuasa itu.

## Perkara 11

(1) Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkan ugamanya.  
(2) Tiada sesiapa pun boleh dipaksa membayar apa-apa cukai jika pendapatan dari cukai itu adalah diuntukkan khas sama ada kesemuanya atau sebahagiannya bagi maksud-maksud sesuatu agama yang lain daripada agamanya sendiri.  
(3) Tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak -  
(a) menguruskan hal-ehwal agamanya sendiri;

## Perkara 12

(1) Dengan tidak menyentuh keluasan makna Perkara 8, tidaklah boleh ada pembezaan terhadap mana-mana jua warga-negara semata-mata oleh sebab agama, kaum, keturunan atau tempat lahir -  
(a) Dalam pentadbiran mana-mana yayasan pelajaran yang disenggara oleh sesuatu pihakberkuasa awam, dan, khususnya, tentang kemasukan murid-murid atau pelajar-pelajar atau tentang bayaran; atau  
(b) tentang memperuntukan bantuan kewangan darai wang sesuatu pihakberkuasa awam untuk menanggung murid-murid atau untuk pelajaran murid-murid atau pelajar-pelajar di mana-mana yayasan pelajaran (sama ada disenggara atau tidak disenggara oleh sesuatu pihakberkuasa awam dan sama ada dalam atau luar Persekutuan).  
(2) Tiap-tiap kumpulan ugama adalah berhak menubuhkan dan menyenggara institusi-institusi untuk pelajaran kanak-kanak dalam ugama kumpulan itu sendiri, dan tidaklah boleh ada pembezaan semata-mata oleh sebab agama dalam mana-mana undang-undang berkaitan dengan institusi-institusi itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu; tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggara institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang diperlu bagi maksud itu.

## Perkara 132

(1) Bagi maksud-maksud Perlembagaan ini, perkhidmatan awam ialah -  
(a) angkatan tentera;  
(b) perkhidmatan kehakiman dan undang-undang;  
(c) perkhidmatan awam am Persekutuan;  
(d) pasukan polis;  
(f) perkhidmatan awam bersama yang tersebut dalam Perkara 133;  
(g) perkhidmatan awam tiap-tiap satu Negeri; dan  
(h) perkhidmatan pelajaran.

## Akta 597 - Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999

[http://www.suhakam.org.my/bm/akta\\_597.asp](http://www.suhakam.org.my/bm/akta_597.asp)

### 4. Fungsi dan kuasa Suruhanjaya

- (1) Bagi membantu melindungi dan memajukan hak asasi manusia di Malaysia, fungsi Suruhanjaya adalah -
  - (a) untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia;
  - (b) untuk menasihati dan membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan dan arahan dan tatacara pentadbiran dan mengesyorkan langkah-langkah perlu yang hendaklah diambil;
  - (c) untuk mengesyorkan kepada Kerajaan berkenaan dengan penandatanganan atau penyertaan dalam triti dan surat cara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia; dan
  - (d) untuk menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia yang disebut dalam seksyen 12.
- (2) Bagi maksud melaksanakan fungsinya, Suruhanjaya boleh menjalankan mana-mana atau kesemua kuasa yang berikut:
  - (a) untuk memupuk kesedaran mengenai hak asasi manusia dan untuk mengaku janji mengadakan penyelidikan dengan mengendalikan program, seminar dan bengkel dan untuk menyebarkan dan mengedarkan hasil penyelidikan itu;
  - (b) untuk menasihati Kerajaan dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan mengenai aduan terhadap pihak berkuasa itu dan mengesyorkan kepada Kerajaan dan/atau pihak berkuasa itu langkah-langkah sesuai yang hendaklah diambil;
  - (c) untuk mengkaji dan menentusahkan apa-apa pelanggaran hak asasi manusia mengikut peruntukan Akta ini;
  - (d) untuk melawat tempat tahanan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan tempat tahanan itu dan untuk membuat syor yang perlu;
  - (e) untuk mengeluarkan pernyataan awam mengenai hak asasi manusia apabila perlu; dan
  - (f) untuk mengaku janji apa-apa aktiviti sesuai lain yang perlu mengikuti undang-undang bertulis yang berkuatkuasa, jika ada, berhubung dengan aktiviti itu.

(3) Lawatan oleh Suruhanjaya ke mana-mana tempat tahanan di bawah perenggan (2)(d) tidaklah boleh dihalang oleh orang yang menjaga tempat tahanan itu [...]

(4) Bagi maksud Akta ini, perhatian hendaklah diberikan kepada Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia 1948 setakat yang perisytiharan itu tidak tak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

### 12. Suruhanjaya boleh menyiasat atas kehendak sendiri atau atas aduan

- (1) Suruhanjaya boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas suatu aduan yang dibuat kepada Suruhanjaya oleh orang atau kumpulan orang yang terkilan atau seseorang yang bertindak bagi pihak orang atau sekumpulan orang yang terkilan, menyiasat pengataan mengenai pelanggaran hak asasi manusia orang atau kumpulan orang itu.
- (2) Suruhanjaya tidaklah boleh menyiasat apa-apa aduan yang berhubungan dengan apa-apa pengataan hak asasi manusia yang -
  - (a) merupakan hal perkara apa-apa prosiding yang belum selesai di mana-mana mahkamah, termasuklah apa-apa rayuan; atau
  - (b) telah diputuskan secara muktamad oleh mana-mana mahkamah. [...]



Versi Penuh:

[http://cpps.org.my/resource\\_centre/malaysia%20constitution.pdf](http://cpps.org.my/resource_centre/malaysia%20constitution.pdf)

# Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak

## Hak Setiap Kanak-Kanak

- Untuk dilahirkan, untuk mempunyai nama dan kewarganegaraan;
- Untuk mempunyai keluarga yang akan menjaga dan menyayangi;
- Untuk tinggal di dalam komuniti dan persekitaran yang aman dan damai;
- Untuk mempunyai makanan yang mencukupi dan tubuh badan yang aktif dan sihat;
- Untuk mendapatkan pendidikan yang baik dan membentuk potensi diri;
- Untuk diberi peluang untuk bermain dan beriadah;
- Untuk dilindungi daripada penderaan, eksloitasi, kecuaian, keganasan dan bahaya;
- Untuk dipertahankan dan diberi bantuan oleh kerajaan;
- Untuk berupaya mengekspresi pandangan saya sendiri.

## Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak

### Perkara 2

1. Negara-Negara Pihak hendaklah menghormati dan memastikan bahawa hak-hak yang dinyatakan dalam Konvensyen ini diberikan kepada setiap kanak-kanak dalam bidang kuasa mereka tanpa apa jenis diskriminasi, tanpa mengira bangsa, warna, jantina, bahasa, agama, pandangan politik atau pandangan lain, warganegara, asal-usul etnik atau sosial, harta, hilang upaya status kelahiran atau status lain kanak-kanak itu ibu bapanya atau penjaganya yang sah.

### Perkara 3

1. Dalam segala tindakan berkenaan dengan kanak-kanak sama ada yang diaku janji oleh institusi kebaikan masyarakat awam atau swasta, mahkamah, pihak berkuasa pentadbiran atau badan perundangan, kepentingan terbaik kanak-kanak itu hendaklah menjadi pertimbangan utama.

2. Negara-Negara Pihak mengaku janji untuk memastikan kanak-kanak itu diberi perlindungan dan jagaan yang diperlukan bagi kesejahteraannya, [...]

### Perkara 6

1. Negara-Negara Pihak mengiktirafkan bahawa tiap-tiap kanak-kanak mempunyai hak sedia ada untuk hidup.  
2. Negara-Negara Pihak hendaklah memastikan kanak-kanak setakat yang sebanyak mungkin boleh kewujudan dan perkembangan kanak-kanak.

### Perkara 13

1. Kanak-kanak hendaklah berhak kepada kebebasan bersuara; hak ini hendaklah termasuk kebebasan untuk mencari, menerima dan menyampaikan semua jenis maklumat dan idea, tanpa mengira sempadan, sama ada secara lisan, bertulis atau cetakan, dalam bentuk lukisan atau melalui apa-apa media lain yang dipilih oleh kanak-kanak itu.

### Perkara 19

1. Negara-Negara Pihak hendaklah mengambil segala langkah perundangan, pentadbiran, sosial dan pendidikan yang sewajarnya untuk melindungi kanak-kanak daripada semua bentuk keganasan fizikal atau mental, kecederaan atau penderaan, pengabaian atau pelakuan cuai, penganiayaan atau eksloitasi, termasuk penderaan seksual, semasa dalam jagaan ibu bapa (ibu bapa-ibu bapa), penjaga di sisi undang-undang (penjaga-penjaga di sisi undang-undang)

### Perkara 23

1. Negara-Negara Pihak mengiktiraf bahawa seseorang kanak-kanak kurang upaya secara mental atau fizikal patut menikmati kehidupan yang sepenuhnya dan dihormati dalam keadaan yang memastikan kemuliaan, menggalakkan sikap tidak bergantung, dan memudahkan penglibatan aktif kanak-kanak itu dalam komuniti.

### Perkara 28

1. Negara-Negara Pihak mengiktiraf hak kanak-kanak kepada pendidikan, dan dengan tujuan untuk mencapai hak ini secara

berperingkat-peringkat dan atas dasar peluang yang sama, mereka hendaklah, secara khususnya:

- (a) Menjadikan pendidikan rendah diwajibkan dan diadakan secara percuma kepada semua;
- (b) Menggalakkan perkembangan pendidikan menengah dalam pelbagai bentuk, termasuk pendidikan umum dan vokasional, mengadakan pendidikan itu dan terbuka kepada tiap-tiap kanak-kanak dan mengambil langkah yang sewajarnya seperti memperkenalkan pendidikan percuma [...]

### **Perkara 29**

1. Negara-Negara Pihak bersetuju bahawa pendidikan kanak-kanak hendaklah dihalatujukan kepada:
  - (a) Perkembangan personaliti, bakat, dan kebolehan mental dan fizikal kanak-kanak pada tahap potensi yang paling tinggi;
  - (b) Perkembangan rasa hormat bagi hak asasi manusia dan kebebasan asasi, dan bagi prinsip-prinsip yang termaktub KONVENTSYEN Mengenai Hak Kanak-Kanak dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
  - (c) Perkembangan rasa hormat bagi ibu-bapa kanak- kanak, identiti kebudayaan, bahasa dan nilainya sendiri, bagi nilai kebangsaan negara yang diduduki oleh kanak-kanak itu, negara yang daripadanya dia berasal, dan bagi tamadun yang berbeza daripada tamadunnya sendiri;
  - (d) Penyediaan kanak-kanak bagi hidup yang bertanggungjawab dalam masyarakat yang bebas, dalam semangat persefahaman, keamanan, toleransi, kesamaan jantina, dan persahabatan di kalangan semua orang, kumpulan etnik, kebangsaan dan agama dan orang yang asal usulnya penduduk asli;
  - (e) Perkembangan rasa hormat bagi alam sekitar semulajadi.

### **Perkara 30**

Dalam Negara di mana wujudnya minoriti etnik, agama, atau linguistik atau orang-orang yang asal-usulnya penduduk asli, seseorang kanak-kanak yang tergolong dalam minoriti sedemikian atau ialah penduduk asli tidaklah boleh dinafikan hak, dalam komuniti dengan anggota kumpulannya yang lain, untuk menikmati kebudayaannya sendiri, untuk menganut dan mengamalkan agamanya

sendiri atau untuk menggunakan bahasanya sendiri.

### **Perkara 32**

1. Negara-Negara Pihak mengiktiraf hak kanak-kanak untuk dilindungi daripada eksloitasi ekonomi dan daripada menjalankan apa-apa kerja yang berkemungkinan berbahaya atau mengganggu pendidikan kanak-kanak itu, atau adalah mendatangkan keburukan kepada kesihatan kanak-kanak atau perkembangan fizikal, mental, kerohanian, kemoralan atau sosial kanak-kanak itu. [...]

### **Perkara 34**

Negara-Negara Pihak mengaku janji untuk melindungi kanak-kanak daripada segala bentuk pengeksplotasian seks dan penderaan seksual. Bagi maksud ini, Negara-Negara Pihak hendaklah secara khusus mengambil segala langkah kebangsaan, dwi pihak dan berbilang pihak yang sewajarnya untuk mencegah:

- (a) Dorongan atau paksaan kanak-kanak untuk melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti seks yang menyalahi undang-undang;
- (b) Penggunaan bersifat mengeksplotasi kanak-kanak dalam pelacuran atau apa-apa amalan seks yang menyalahi undang-undang;
- (c) Penggunaan bersifat mengeksplotasi kanak-kanak dalam persembahan dan bahan lucuah.



**Versi Penuh - Inggris:**  
<http://www.ohchr.org/english/law/pdf/crc.pdf>

**Versi Penuh - Bahasa Melayu:**  
[http://www.suhakam.org.my/docs/document\\_resource/Kon-HakKanak2.pdf](http://www.suhakam.org.my/docs/document_resource/Kon-HakKanak2.pdf)

**Maklumat:**  
 UNHCHR: <http://www.ohchr.org/english/bodies/crc/index.htm>  
 UNICEF: <http://www.unicef.org/crc>  
 CRIN: <http://www.crin.org>  
 EENET: <http://www.eenet.org.uk>

# Akta Kanak-Kanak

## Penubuhan Majlis Penyelaras bagi Pelindungan Kanak-Kanak

### Seksyen 3

- (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Majlis yang hendaklah dikenali sebagai "Majlis Penyelaras bagi Pelindungan Kanak-Kanak".
- (2) Majlis hendaklah -
- (a) bertanggungjawab bagi menasihati Menteri tentang segala aspek pelindungan kanak-kanak;
  - (b) mereka bentuk suatu sistem pengurusan yang cekap dan berkesan di seluruh Malaysia yang menggabungkan saluran maklumat bagi melaporkan kes kanak-kanak yang memerlukan pelindungan;
  - (c) mengesyorkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditujukan khusus untuk memenuhi keperluan orang, kanak-kanak dan keluarga yang memerlukan perkhidmatan pelindungan kanak-kanak;
  - (d) menyelaraskan pelbagai sumber mana-mana Jabatan Kerajaan yang terlibat dengan pelindungan kanak-kanak;
  - (e) membangunkan program-program untuk mendidik orang ramai dalam pencegahan penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak;
  - (f) memberikan nasihat tentang pengurusan, operasi dan amalan Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak di seluruh Malaysia;
  - (g) memberikan nasihat tentang pembangunan program latihan bagi anggota Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak di seluruh Malaysia;
  - (h) menyelesaikan apa-apa pertelingkahan yang mungkin berbangkit dalam Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak; dan
  - (i) melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

## Penubuhan Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak

### Seksyen 7

- (1) Majlis hendaklah menubuhkan diseluruh Malaysia kumpulan-kumpulan orang, setiap kumpulan dikenali sebagai "Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak", bagi maksud menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga-keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan

atau disyaki memerlukan pelindungan.

(2) Sesuatu Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:

- (a) seorang Pelindung yang hendaklah dinamakan oleh Majlis atas nasihat Ketua Pengarah, yang hendaklah menjadi pengerusi;
- (b) seorang pegawai perubatan; dan
- (c) seorang pegawai kanan polis.

(3) Sesuatu Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak hendaklah mempunyai kuasa untuk membawa turut serta dari semasa ke semasa mana-mana orang lain yang semunasabahnya diperlukan olehnya untuk membantunya melaksanakan fungsi dan kewajibannya atau sebagaimana yang diperlukan oleh hal keadaan setiap kes, termasuklah mana-mana orang yang layak untuk memberikan nasihat tentang faktor-faktor peribumi, etnik, kebudayaan atau agama yang berkaitan.


## Pengertian kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan

### Seksyen 17

- (1) Seseorang kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan pelindungan jika -
- (a) kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan kanak-kanak itu akan dicederakan dari segi fizikal atau dicederakan dari segi emosi atau dianiyai dari segi seks oleh ibu atau bapa atau penjaganya atau seseorang anggota keluarga luasnya;
  - (b) kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan kanak-kanak itu akan dicederakan dari segi fizikal atau dicederakan dari segi emosi atau dianiyai dari segi seks dan ibu atau bapa atau penjaganya, yang tahu tentang kecederaan atau penganiayaan atau kemungkinan sedemikian, telah tidak melindungi atau tidak mungkin akan melindungi kanak-kanak itu daripada kecederaan atau penganiayaan sedemikian;
  - (c) ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu tidak layak, atau telah abai, atau tidak upaya, untuk menjalankan pengawasan dan pengawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak itu dan kanak-kanak itu mula terlibat dalam pergaulan yang tidak sihat;

- (d) ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu telah abai atau berkeberatan untuk mengadakan pemeliharaan, makanan, pakaian dan tempat berteduh yang mencukupi untuk kanak-kanak itu;
- (e) kanak-kanak itu -
- (i) tidak mempunyai ibu atau bapa atau penjaga; atau
  - (ii) telah dibuang oleh ibu atau bapa atau penjaganya dan selepas siasatan yang munasabah ibu atau bapa atau penjaga itu tidak dapat ditemui, dan tiada orang lain yang sesuai sanggup dan berupaya memelihara kanak-kanak itu;
- (f) kanak-kanak itu perlu diperiksa, disiasat atau dirawat -
- (i) bagi maksud memulihkan atau memelihara kesihatannya; dan
  - (ii) ibu atau bapa atau penjaganya abai atau enggan mendapatkan kanak-kanak itu diperiksa, disiasat atau dirawat sedemikian;
- (g) kanak-kanak itu berkelakuan dengan cara yang, atau yang mungkin, memudaratkannya atau mana-mana orang lain dan ibu atau bapa atau penjaganya tidak upaya atau berkeberatan untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memperbaiki keadaan atau langkah-langkah memperbaiki keadaan yang diambil oleh ibu atau bapa atau penjaga itu gagal;
- (h) terdapat pertelingkahan yang sedemikian rupa antara kanak-kanak itu dengan ibu atau bapa atau penjaganya, atau antara ibu dan bapa atau penjaga-penjaganya, sehingga hubungan kekeluargaan terganggu dengan serius, dan yang demikian itu menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan emosi; [...]
- (k) kanak-kanak itu dibenarkan berada di mana-mana jalan, premis atau tempat bagi maksud -
- (i) mengemis atau menerima sedekah, sama ada atau tidak dengan dalih menyanyi, bermain, membuat persembahan atau menawarkan apa-apa jua untuk jualan; atau
  - (ii) menjalankan penjajaan yang menyalahi undang-undang, loteri haram, perjudian atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang yang memudaratkannya kesihatan dan kebajikan kanak-kanak itu.
- (2) Bagi maksud Bahagian ini, seseorang kanak-kanak -

- (a) dicederakan dari segi fizikal jika ada kecederaan yang substansial dan boleh dilihat pada mana-mana bahagian tubuh kanak-kanak itu akibat pengenaan kekerasan atau agen yang bukan tidak sengaja kepada tubuh kanak-kanak itu yang didalilkan dengan, antara lain, laserasi, kontusi, lelasan, parut, patah atau kecederaan tulang yang lain, dislokasi, seliu, pendarahan, pecah viskus, luka terbakar, melecur, hilang atau berubah kesedaran atau fungsi fisiologi atau gugur rambut atau gigi;
- (b) dicederakan dari segi emosi jika ada gangguan yang substansial dan boleh dilihat pada fungsi mental atau emosi kanak-kanak itu yang didalilkan dengan, antara lain, kecelaruan mental atau tingkah laku, termasuk keresahan, kemurungan, penyendirian, kelanggangan atau perkembangan lambat;
- (c) teraniaya dari segi seks jika dia telah mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsur seks bagi maksud -
- (i) apa-apa bahan, fotograf, rakaman, filem, pita video atau persembahan yang berunsur pornografi, lucah atau sumbang; atau
  - (ii) eksplorasi seks oleh mana-mana orang bagi memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain.



gambar oleh MDP Norway

Versi Penuh:  
<http://www.parlimen.gov.my/actindex/pdf/AKTA-611.pdf>

Maklumat:  
 Ministry of Education: <http://www.moe.gov.my>  
 Parliament: <http://www.parlimen.gov.my>

# UNGASS

## Deklarasi Komitmen ke atas HIV/AIDS

17. Bersetuju bahawa pencegahan infeksi HIV hendaklah menjadi fokus utama negara, serantau dan antarabangsa sebagai satu tindakbalas kepada wabak; dan pencegahan, jagaan, sokongan dan rawatan kepada sesiapa yang dijangkiti HIV/AIDS merupakan satu tindakbalas efektif yang lazim dan perlu diterapkan ke dalam pendekatan yang lengkap bagi mengatasi wabak ini;
20. Menekankan kepentingan peranan budaya, keluarga, etika dan faktor keagamaan di dalam mencegah wabak, dan di dalam rawatan, jagaan dan sokongan, perlu mengambil kira kepentingan sesebuah Negara itu serta pentingnya bagi menghormati hak asasi manusia dan dasar kebebasan;
22. Mengambil maklum akan kepentingan penubuhan dan langkah memperkuatkukan sumber manusia dan infrastruktur kesihatan Negara dan sosial.
23. Mengenal pasti bahawa pencegahan efektif, strategi penjagaan dan rawatan memerlukan perubahan sikap dan peningkatan penyediaan akses yang bukan diskriminasi, vaksin, kondom, [...], peralatan suntikan yang telah disteril, ubatan termasuk anti retroviral terapi, diagnosis dan teknologi berkaitan dengan peningkatan kajian dan pembangunan;
31. Memberi penekanan kepada peranan keluarga di dalam pencegahan, jagaan, sokongan dan rawatan kepada individu yang dijangkiti HIV/AIDS, [...];
32. Mengesahkan bahawa di sebalik peranan utama masyarakat, kerjasama yang kuat di antara Kerajaan, sistem Bangsa Bersatu, organisasi dalam kerajaan, penghidap HIV/AIDS dan [...], perubatan, saintifik dan institusi pendidikan, organisasi bukan kerajaan, sektor perniagaan termasuk generik dan syarikat farmaseutikal berasaskan penyelidikan, persatuan pedagang, media, ahli jemaah parlimen, pertubuhan, organisasi komuniti, organisasi keagamaan dan pemimpin tempatan adalah penting;
33. Menghargai peranan dan sumbangan tertentu yang disumbangkan oleh penghidap HIV/AIDS, warga muda dan hidmat masyarakat yang memberi sumbangan dalam mengajukan permasalahan HIV/AIDS ini dari segala aspek [...];
37. Menjelang 2003, untuk menjamin pembangunan dan implementasi strategi multisektoral Negara dan pelan pembiayaan untuk membanteras HIV/AIDS bahawa; membangkitkan wabak ini melalui terma [...]berhadapan dengan stigma, berdiam diri dan penafian; membangkitkan dimensi jantina dan umur untuk wabak ini; menghapuskan diskriminasi dan penyisihan; melibatkan kerjasama dengan masyarakat awam dan sector perniagaan serta kerjasama penuh penghidap HIV/AIDS; mereka yang tergolong di dalam kumpulan yang [...]dan mereka yang berisiko tinggi terutamanya wanita dan warga muda; dilengkapi sumber semaksima mungkin daripada belanjawan Negara tanpa mengecualikan mana-mana sumber, [...] kerjasama antarabangsa, mempromosi dan melindungi hak asasi manusia dan dasar kebebasan secara menyeluruh, [...];
52. Menjelang 2005, mengesahkan; bahawa program pencegahan yang meluas yang turut mengambil kira situasi keadaan tempatan, etika dan nilai kebudayaan tersedia di dalam sesebuah Negara, terutamanya di negara yang terjejas teruk, termasuk informasi, pendidikan dan komunikasi, di dalam bahasa yang mudah difahami masyarakat dan budaya yang disanjungi, dan mensasarkan untuk mengurangkan sikap suka mengambil risiko dan menggalakkan aktiviti seksual yang bertanggungjawab, [...]
56. Menjelang 2005, membangun dan mencatat pencapaian yang signifikan dalam melaksanakan strategi penjagaan menyeluruh untuk: memperkuatkukan penjagaan berdasarkan keluarga dan masyarakat termasuk penjagaan yang disediakan oleh sektor bukan rasmi, dan sistem penjagaan kesihatan untuk menyedia dan memerhati

rawatan yang diberikan kepada penghidap HIV/AIDS, termasuk kanak-kanak yang dijangkiti, dan untuk memberi sokongan kepada individu, isi rumah, keluarga dan masyarakat yang dijangkiti oleh HIV/AIDS, [...];

58. Menjelang 2003, merangka, memperkuuh dan melaksana legislasi, undang-undang dan langkah-langkah lain dalam menghapuskan segala bentuk diskriminasi, dan untuk menjamin kebebasan semua penghidap HIV/AIDS dan anggota kumpulan [...] untuk menikmati hak asasi manusia serta dasar kebebasan; [...]

60. Menjelang 2005, melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan lagi kapasiti bagi membolehkan wanita dan remaja dewasa untuk melindungi diri mereka daripada bahaya jangkitan HIV, secara prinsipalnya melalui penyediaan jagaan kesihatan dan khidmat kesihatan, termasuk kesihatan seksual dan reproduksi, serta melalui pendidikan pencegahan yang menggalakkan persamaan terutama dari segi rangka kerja kebudayaan dan sensitiviti jantina.

62. Menjelang 2003, bagi melengkapkan lagi program pencegahan yang menyenaraikan aktiviti-aktiviti yang meletakkan seseorang individu itu kepada risiko jangkitan HIV, seperti aktiviti seksual yang berisiko serta kurang selamat, dan penggunaan suntikan dadah, kesemua strategi Negara, polisi dan program yang dikenalpasti perlu segera menyampaikan faktor-faktor ini yang membuatkan seseorang individu itu terdedah kepada jangkitan HIV, [...]

65. Menjelang 2003, membangun dan menjelang 2005, mengimplementasi polisi dan strategi Negara untuk: membangun dan memperkuuhkan kapasiti kerajaan, keluarga dan masyarakat bagi menyediakan persekitaran yang bersikap menyokong untuk anak yatim, kanak-kanak lelaki dan perempuan yang dijangkiti HIV/AIDS termasuk menyediakan kaunseling dan sokongan psiko-sosial yang bertepatan; menjamin kemasukan

mereka ke sekolah dan akses kepada tempat perlindungan, nutrisi yang baik, khidmat perubatan dan sosial atas dasar adil dengan kanak-kanak yang lain; untuk melindungi anak yatim dan kanak-kanak yang lemah dari segala bentuk penderaan, ke ganasan, eksplorasi, diskriminasi, diperdagangkan dan kehilangan hak untuk mewarisi;

75. Menjelang 2003, membangun dan mengimplementasikan strategi Negara yang merangkumi kesedaran, pencegahan, penjagaan dan elemen rawatan HIV/AIDS kepada program atau tindakan yang bertindakbalas kepada situasi kecemasan, mengenalpasti bahawa populasi digugat dengan konflik bersenjata, kecemasan kemanusiaan dan bencana alam, termasuk pelarian, individu terutamanya wanita dan kanak-kanak yang tidak mempunyai tempat tinggal, adalah berisiko tinggi kepada jangkitan HIV; dan jika perlu faktor HIV/AIDS dijadikan sebagai komponen di dalam program sokongan antarabangsa;

82. Meningkatkan dan memberi priority utama di dalam peruntukan belanjawan Negara untuk program HIV/AIDS seperti yang diperlukan dan menjamin peruntukan yang mencukupi dibuat oleh semua kementerian dan lain-lain [...] yang berkaitan.

#### Versi Penuh:

[http://www.ungass.org/index.php/en/ungass/declaration\\_of\\_commitment/ungass\\_declaration\\_of\\_commitment](http://www.ungass.org/index.php/en/ungass/declaration_of_commitment/ungass_declaration_of_commitment)



#### Maklumat:

UNGASS: <http://www.ungass.org>

UN: <http://www.un.org/ga/aids>

<http://www.un.org/ga/aidsmeeting2006>

<http://www.un.org/issues/docs/d-aids.html>

UNAIDS: <http://www.unaids.org/en/AIDSReview2006>

# UNGASS

## Deklarasi Politikal ke atas HIV/AIDS

18. Memperkuatkan komitmen kami di dalam mengimplementasikan keseluruhan Deklarasi Komitmen ke atas HIV/AIDS yang bertajuk "Global Crisis Global Action" yang diangkat pada Perhimpunan Agung sesi khas yang ke-26 pada tahun 2001; dan untuk mencapai sasaran dan objektif pembangunan antarabangsa termasuk Sasaran Pembangunan Milenium yang telah dipersetujui [...]
20. Kami akan mengambil langkah-langkah perlu untuk meningkatkan lagi teraju Negara, tindakbalas menyeluruh bagi mencapai jaringan multisektoral yang meluas untuk pencegahan, rawatan, jagaan dan sokongan, dengan penglibatan penuh dan aktif oleh penghidap HIV, kumpulan-kumpulan yang lemah, komuniti yang paling terjejas, masyarakat umum dan sektor swasta, ke arah sasaran akses antarabangsa untuk program pencegahan yang lengkap, rawatan, jagaan dan sokongan menjelang 2010;
26. Mengkomitedkan diri kami dalam menyuarakan mengenai peningkatan kadar jangkitan HIV di kalangan warga muda bagi menjamin generasi bebas HIV di masa akan datang melalui implementasi strategi pencegahan berasaskan bukti aktiviti seksual yang bertanggungjawab termasuk penggunaan kondom, bukti dan asas kemahiran, pendidikan khas HIV untuk remaja, penglibatan media massa dan penyediaan perkhidmatan kesihatan mesra remaja yang menyeluruh;
27. Mengkomitedkan diri kami dalam memberi jaminan bahawa wanita mengandung akan mempunyai akses kepada perkhidmatan antenatal, informasi, kaunseling dan lain-lain perkhidmatan HIV dan untuk meningkatkan lagi jumlah kemudahan dan akses kepada rawatan efektif untuk kesemua wanita penghidap HIV, termasuk ujian dan kaunseling peribadi atau secara sukarela dengan kebenaran, akses kepada rawatan, terutamanya terapi antiretroviral dan apabila perlu, penggantian susu ibu dan penyediaan jagaan yang berterusan;
31. Mengkomitedkan diri kami kepada mengukuhkan lagi undang-undang, polisi, pentadbiran dan langkah-langkah lain untuk promosi dan perlindungan bagi membolehkan kesemua wanita menikmati hak asasi mereka dan mengurangkan kelemahan mereka kepada HIV/AIDS melalui penghapusan segala bentuk diskriminasi, serta eksploitasi seksual ke atas wanita, gadis dan kanak-kanak, termasuk untuk tujuan komersil, segala bentuk ke ganasan ke atas wanita dan kanak-kanak perempuan, termasuk amalan tradisional yang berbahaya, penderaan, pemerkosaan dan segala bentuk penderaan seksual, dipukul dan memperdagangkan wanita dan kanak-kanak perempuan;
32. Mengkomitedkan diri kami dalam memberi prioriti kepada semua kelemahan yang dihadapi dan dialami oleh kanak-kanak penghidap HIV; memberikan sokongan dan rehabilitasi kepada kanak-kanak ini dan keluarganya; wanita dan warga tua, terutamanya dalam peranan mereka sebagai penjaga; mempromosikan polisi dan program HIV/AIDS yang berorientasikan kanak-kanak; menjamin akses kepada rawatan dan usaha yang padu untuk membangun rawatan-rawatan baru dan pembangunan kanak-kanak apabila diperlukan dan menyokong sistem keamanan sosial yang melindungi mereka;
42. Mengkomitedkan diri kami untuk mencari penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah dalam penentuan harga, tariff dan perjanjian perdagangan, dan untuk meningkatkan legislasi; polisi perundangan, pengurusan perolehan dan rantaian pengurusan bekalan bagi memacu akses yang lancar padu kepada produk pencegahan HIV/AIDS yang berkualiti dan berpatutan, diagnosis, ubat-ubatan dan rawatan komoditi;

## Ringkasan Eksekutif Pelan Strategik Nasional terhadap HIV/AIDS 2006 - 2010

[http://www.moh.gov.my/MohPortal/NationalStrategicPlanAids\\_FINAL.pdf](http://www.moh.gov.my/MohPortal/NationalStrategicPlanAids_FINAL.pdf)

Kerajaan mengakui ancaman yang ditimbulkan oleh HIV/AIDS terhadap kesejahteraan manusia. Kerajaan bimbang akan peningkatan kadar jangkitan HIV di Malaysia, terutamanya di kalangan orang muda dan pengguna-pengguna dadah suntikan. Ia mencatat dengan kebimbangan terhadap menularnya kesan HIV terhadap wanita dan kumpulan-kumpulan mudah dipengaruhi yang lain.

Kerajaan mengakui bahawa dalam ketiadaan pencegahan berkesan terdapat potensi bagi Malaysia untuk bergerak ke tahap wabak teritlak dalam masa hanya beberapa tahun. Mereka mengakui bahawa wabak tersebut mampu membantu pembangunan yang telah dikecapi. Oleh itu adalah penting untuk menjadikan HIV/AIDS sebagai isu pembangunan, bukan sahaja isu kesihatan tetapi juga penting untuk perancangan negara.

Oleh itu ia adalah masa yang tepat bagi Kerajaan Malaysia untuk menyemak semula respon-respon terhadap HIV/AIDS bagi menjamin kedua-duanya saling melengkap untuk Rancangan Malaysia ke9 serta sejajar dengan komitmen-komitmen yang lebih meluas untuk hasil-hasil di Sesi Khas Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap HIV/AIDS dan Matlamat Pembangunan Alaf.

Respons yang berkesan terhadap wabak memerlukan komitmen politik dan kepimpinan yang kukuh di peringkat tertinggi. Satu Pelan Strategik Nasional yang baru terhadap HIV/AIDS 2006-2010 (NSP) akan menyediakan dasar untuk mengkoordinasi kerja semua rakan kongsi. Ia akan mengambil satu pendekatan penyatuan pencegahan, rawatan dan penjagaan, dan mengurang kesan wabak.

NSP akan terus menumpukan perhatian dalam menyediakan satu keseimbangan yang sesuai antara pencegahan, rawatan dan penjagaan. Bahagian yang menjadi fokus utama adalah:

- Memperkuuh kepimpinan dan sokongan
- Meningkatkan latihan dan keupayaan
- Mengurangkan kerentanan HIV di kalangan pengguna dadah suntikan dan rakan mereka
- Mengurangkan kerentanan HIV di kalangan

- wanita, orang muda dan kanak-kanak
- Mengurangkan kerentanan HIV di kalangan populasi terpinggir dan lemah
- Meningkatkan akses untuk diagnostik-diagnostik, rawatan dan penjagaan

Dalam berjuang untuk mencapai keutamaan-keutamaan ini, pihak Kerajaan akan mengembangkan perkongsian dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs), pemimpin-pemimpin keagamaan, perniagaan dan kumpulan komuniti. NSP akan mengukuhkan keupayaan Kerajaan untuk menyampaikan campur tangan yang berkesan.

Pelaksanaan NSP yang berjaya akan memerlukan satu peningkatan signifikan di dalam tahap sumber semasa yang diperuntukan untuk bertindak balas terhadap wabak. Sebuah dana dicadangkan dibina untuk menambah peruntukan belanjawan yang sedia ada. Dana-dana akan digunakan sebagai permulaan untuk menarik pemberi dana luar yang relevan.

Dalam mengadaptasi NSP, Kerajaan Malaysia telah menunjukkan satu komitmen yang kukuh dengan memberi perhatian terhadap HIV / AIDS sebagai agenda nasional dan untuk memperluas, multisektor dan sumber respons yang baik.



gambar oleh PROSTAR

### Versi Penuh:

[http://data.unaids.org/pub/Report/2006/20060615\\_HLM\\_PoliticalDeclaration\\_ARES60262\\_en.pdf](http://data.unaids.org/pub/Report/2006/20060615_HLM_PoliticalDeclaration_ARES60262_en.pdf)

### Maklumat:

UNGASS: <http://www.ungass.org>

UN: <http://www.un.org/ga/aids>

<http://www.un.org/ga/aidsmeeting2006>

<http://www.un.org/issues/docs/d-aids.html>

UNAIDS: <http://www.unaids.org/en/AIDSReview2006>

# HIV dan AIDS

UNESCO

<http://www.unesco.org/aids>

UNESCO Bangkok

<http://www.unescobkk.org/hiv aids>

UNAIDS

<http://www.unaids.org>

Pencegahan HIV, seperti rawatan, adalah untuk seumur hidup. Sebagai ganti kepada program jangka pendek atau usaha pencegahan pengasingan, program-program negara yang berkesan diperlukan untuk menampung program dan polisi tindakan yang penting pada kadar yang mencukupi untuk jangka masa panjang, menerima mereka sebagai penyakit yang berkembang, bertindak balas kepada perubahan di dalam corak jangkitan dan persekitaran sosial. [UNAIDS; 2006 Report; p. 124]

Pendidikan mempunyai keterangan bertulis mengenai impak ke atas penyakit ini. Satu kajian di 32 buah negara mendapati bahawa wanita yang celik huruf adalah 4 kali lebih banyak berbanding wanita yang buta huruf, yang tahu apakah cara utama untuk mengelakkan HIV/AIDS. [...] Sekolah boleh memainkan peranan yang aktif di dalam meringankan penyebaran wabak ini dengan menyediakan maklumat dan kaunseling yang boleh dipercayai dan mengambil langkah-langkah untuk memanjangkan lagi pendidikan untuk anak perempuan. [UNESCO; EFA Global Monitoring Report 2006 - Summary; p. 8]

## Apa itu HIV dan AIDS?

HIV bermaksud Virus Immunodeficiency Virus. Virus ini dikenalpasti mengakibatkan AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan). Jika seseorang itu disahkan positif HIV, ini bermakna mereka telah dijangkiti virus tersebut. Seseorang yang dijangkiti HIV tidak mempunyai AIDS

sehingga virus tersebut merosakkan sistem imun mereka, membuat mereka lemah kepada beberapa jenis jangkitan, ada diantaranya boleh membawa maut. HIV disebarluaskan melalui cecair badan terutamanya darah, air mani, air mazi dan susu badan.

## Hanya melalui 4 cara anda boleh menjadi positif HIV

1. Hubungan seksual dengan pasangan yang dijangkiti tanpa menggunakan perlindungan (paling utama);
2. Berkongsi jarum atau lain-lain suntikan yang tercemar atau peralatan menindik kulit;
3. Darah dan produk melalui darah, sebagai contoh pemindahan darah yang tercemar atau pemindahan tisu dan organ;
4. Transmisi daripada ibu kepada anak di dalam rahim atau ketika melahirkan dan menyusu badan.

## Anda tidak akan mendapat HIV melalui

1. Berjabat tangan
2. Berkongsi peralatan memotong seperti sudu, garpu, pisau
3. Berpelukan
4. Minum dari pancuran air
5. Berkawan
6. Bermain bersama
7. Belajar bersama / pergi ke sekolah yang sama

## Petikan daripada: Reaksi UNESCO kepada HIV dan AIDS

UNESCO - 2005

<http://unesdoc.unesco.org/images/0014/001414/141417e.pdf>

UNESCO telah menetapkan keutamaan dibawah kepada usahanya di dalam pendidikan HIV dan AIDS:

### 1. Pembelaan di semua peringkat:

UNESCO akan mengarahkan kementerian-kementerian, lain-lain agensi dan NGO, terutamanya yang terlibat di dalam pendidikan, sains, kebudayaan, komunikasi dan sukan, juga masyarakat umum dan sektor swasta di dalam reaksi kepada HIV dan AIDS.

### 2. Melazimkan mesej dan mencari penghantar mesej yang tepat:

Pembangunan kebudayaan yang bersesuaian, umur tertentu dan maklum balas mengikut jantina ke arah populasi yang efektif, terutamanya mereka yang mempunyai kelemahan tertentu kepada HIV dan AIDS, seperti golongan muda, wanita dan kanak-kanak perempuan.

### 3. Menukar sikap berisiko dan kelemahan:

Mempromosikan program pendidikan, formal dan tidak formal - bagi membolehkan semua orang tahu fakta-fakta mengenai HIV dan AIDS dan bertindak ke atas ilmu pengetahuan ini.

### 4. Mengambil berat kepada yang dijangkiti dan yang diserang:

Ilmu pengetahuan, sikap dan kemahiran untuk memberikan sokongan dan jagaan kepada yang dijangkiti dan diserang adalah bahagian yang paling penting dalam mana-mana program pendidikan pencegahan.

### 5. Menyesuaikan diri dengan impak institusi:

Permintaan untuk jagaan yang semakin meningkat dan kehilangan golongan profesional menambahkan lagi tekanan kepada sistem kesihatan dan pendidikan yang sememangnya telah terbeban. Tugas kritikalnya ialah untuk melindungi fungsi utama sosial, ekonomi dan institusi politikal di bawah kesan HIV/AIDS. UNESCO sedang membangun dan mengembangkan kelengkapan peralatan untuk tujuan pemantauan, penilaian dan tindak balas impak penyakit ke atas sekolah-sekolah, pelajar-pelajar, guru-guru dan lain-lain institusi utama mengikut tahap negara.

## Petikan daripada: Pencegahan HIV yang diperhebatkan:

Kertas Penetapan Polisi UNAIDS - 2005

[http://www.unfpa.org/upload/lib\\_pub\\_file/587\\_filename\\_intensif\\_hiv.pdf](http://www.unfpa.org/upload/lib_pub_file/587_filename_intensif_hiv.pdf)

### Halangan untuk Meningkatkan Pencegahan HIV

Pencegahan HIV boleh menimbulkan kontroversi dan ketidak selesaan pada sesetengah individu, masyarakat dan kerajaan. Ianya mendesak kepada perbincangan beberapa isu yang sukar seperti seks, seksualiti dan penggunaan dadah. Boleh jadi terdapat keengganan dan ketidakupayaan untuk menyediakan akses kepada semua pilihan yang dipercayai berjaya di dalam pencegahan HIV. Di kebanyakan tempat, terdapat tentangan budaya yang kuat untuk menyuarakan keperluan populasi yang lemah ini dan keengganan untuk mengenal dan bertindak ke atas faktor struktural dan kemasyarakatan yang merupakan punca utama kepada penyakit ini. Banyak negara mempunyai batas-batas yang sah dari segi undang-undang, apabila digabungkan dengan aib dan diskriminasi, akan membawa populasi yang lemah ini kepada persembunyian dan dengan itu membuatkan mereka tidak mempunyai akses kepada usaha-usaha pencegahan HIV. Campur tangan pencegahan HIV seharusnya dengan aktif menyuarakan tentang budaya. Walaupun budaya boleh berfungsi sebagai sebuah kenderaan untuk mempromosi pencegahan HIV, ianya juga boleh menjadi halangan kepada pencegahan HIV. [...]

# Konvensyen Menentang Diskriminasi Dalam Pendidikan

## Perkara 1

1. Bagi tujuan Konvensyen ini, perkataan "diskriminasi" termasuklah sebarang perbezaan pengecualian, batasan atau rujukan, yang berdasarkan bangsa, warna, jantina, bahasa, agama, pendapat secara politik atau lain-lain, kewarganegaraan atau asal, keadaan ekonomi atau kelahiran, mempunyai tujuan atau kesan pembatalan atau mengurangkan kesamarataan layanan di dalam pendidikan dan secara khusus:

- (a) Menghalang individu atau sekumpulan orang mendapat pendidikan dalam apa-apa jenis atau tahap;
- (b) Membataskan pendidikan individu atau sekumpulan orang dari tahap bawahan;
- (c) Tertakluk kepada peruntukan perkara 2 Konvensyen ini, menubuhkan atau memelihara sistem pendidikan atau institusi yang berbeza untuk individu atau sekumpulan orang; atau
- (d) Menyusahkan keadaan seseorang individu atau sekumpulan orang yang tidak bersesuaian dengan maruah kemanusiaan. [...]

## Perkara 2

Apabila dibenarkan di dalam Negara, situasi-situasi berikut tidak dianggap mengandungi diskriminasi, seperti yang terkandung di dalam Perkara 1 didalam Konvensyen ini:

- (a) Penubuhan atau penyelenggaraan sistem-sistem pendidikan yang berasingan atau institusi-institusi untuk pelajar daripada dua jantina, sekiranya sistem-sistem atau institusi-institusi menawarkan akses untuk pendidikan yang setara, menyediakan tenaga pengajar dengan kelulusan yang sama, dan mampu mengambil peluang di dalam kursus yang sama atau setara;
- (b) Penubuhan atau penyelenggaraan, bertujuan keagamaan atau linguistik, dari sistem-sistem pendidikan atau institusi berbeza yang menawarkan pendidikan yang bersandar kepada harapan ibu bapa atau penjaga pelajar, sekiranya penyertaan di dalam sistem atau kehadiran di institusi tersebut adalah pilihan dan sekiranya pendidikan seumpamanya mematuhi piawaian seperti yang ditetapkan atau diluluskan oleh pihak berkuasa yang terbabit, dalam usaha untuk menjadikan pendidikan itu setara;
- (c) Penubuhan atau penyelenggaraan institusi

pendidikan swasta, sekiranya tujuan institusi tersebut bukan untuk menjaga keselamatan mana-mana pihak berkecuali tetapi untuk menyediakan kemudahan pendidikan seperti yang diberi oleh pihak berkuasa awam, sekiranya institusi-institusi tersebut diuruskan mengikut tujuan, dan sekiranya pendidikan yang diberikan mematuhi piawaian seperti yang ditetapkan atau diluluskan oleh pihak berkuasa yang terbabit, terutamanya untuk menjadikan pendidikan itu setara;

## Perkara 3

Dalam usaha untuk menghapuskan dan menghalang diskriminasi seperti yang dimaksudkan di dalam Konvensyen ini, Parti Negara perlu menjalankan:

- (a) Untuk membatalkan sebarang peruntukan statutori dan arahan-arahan pentadbiran dan untuk menghentikan apa-apa amalan pentadbiran yang melibatkan diskriminasi dalam pendidikan;
- (b) Bagi menjamin, melalui perundangan apabila perlu, tiada diskriminasi di dalam kemasukan pelajar ke institusi pendidikan;
- (c) Tidak membenarkan sebarang perbezaan layanan oleh pihak berkuasa awam antara negara, kecuali ke atas dasar kecemerlangan atau keperluan, dalam hal yuran sekolah dan pemberian biasiswa atau lain-lain bentuk bantuan untuk pelajar serta permit dan kemudahan penting untuk menyambung pelajaran di negara asing;
- (d) Tidak membenarkan sebarang bentuk bantuan yang diberikan oleh pihak berkuasa kepada institusi pendidikan, sebarang sekatan atau keutamaan yang berasaskan semata-mata kepada pelajar tersebut tergolong dalam kumpulan tertentu; Untuk memberi pemastautin warganegara asing di dalam wilayah mereka akses kepada pendidikan yang serupa dengan negara mereka sendiri.

## Perkara 4

Parti-Parti Negara kepada Konvensyen ini perlu menjalankan penambahbaikan untuk merumuskan, membangun dan mengaplikasikan suatu dasar negara yang mana melalui pendekatan yang sesuai dengan keadaan dan penggunaan negara, akan menggalakkan kesamarataaan

peluang dan layanan di dalam perkara berkenaan pendidikan dan khususnya:

- (a) Untuk menjadikan pendidikan tahap rendah bebas dan wajib; mengadakan pendidikan menengah yang sentiasa tersedia dan mudah diakses oleh semua dalam bentuk yang berbeza-beza; membolehkan pengajian tinggi berdasarkan kemampuan individu dapat diakses oleh semua; memastikan pematuhan oleh semua dengan kewajiban untuk menghadiri sekolah yang ditetapkan oleh undang-undang;
- (b) Untuk memastikan bahawa norma-norma pendidikan adalah setara di semua institusi pendidikan awam setaraf, dan kondisi kualiti pendidikan yang diberikan adalah juga sama;
- (c) Untuk menggalak dan memperhebat melalui kaedah yang sesuai, pendidikan untuk mereka yang tidak pernah menerima pendidikan rendah atau mereka yang belum menghabiskan keseluruhan kursus pendidikan rendah dan meneruskan pendidikan mereka berasaskan kemampuan individu;
- (d) Untuk menyediakan latihan untuk kerjaya perguruan tanpa diskriminasi.

#### Perkara 5

1. Parti-Parti Negara kepada Konvensyen ini bersetuju bahawa:
  - (a) Pendidikan akan diarah kepada pembangunan sepenuhnya terhadap keperibadian manusia dan untuk mengukuhkan rasa hormat kepada hak asasi manusia dan kebebasan asasi; ia akan menggalakkan persefahaman, toleransi dan hubungan baik di kalangan semua negara, bangsa atau kumpulan-kumpulan agama, dan akan meneruskan aktiviti-aktiviti Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu untuk mengekalkan keamanan;
  - (b) Adalah penting untuk menghormati kebebasan ibu bapa atau , penjaga-penjaga yang sah, bagi memilih institusi pendidikan untuk anak-anak mereka selain daripada yang diselenggarakan oleh pihak berkuasa awam tetapi dalam masa yang sama mematuhi norma-norma pendidikan yang minima seperti yang mungkin disediakan atau diluluskan oleh pihak berkuasa terbabit, keduanya, untuk memastikan dalam cara yang selaras dengan

prosedur-prosedur yang diikuti dalam Negara untuk permohonan perundangannya, pendidikan moral dan keagamaan anak-anak seperti kepercayaan yang diikuti mereka; dan tiada individu atau kumpulan orang harus diwajibkan untuk menerima arahan keagamaan yang tidak konsisten dengan kepercayaan mereka;

- (c) Adalah penting untuk mengakui hak ahli-ahli negara minoriti untuk meneruskan aktiviti-aktiviti pendidikan mereka sendiri, termasuklah penyelenggaraan sekolah-sekolah dan, bergantung kepada dasar pendidikan setiap Negara, penggunaan atau pengajaran bahasa mereka sendiri, [...]



United Nations  
Educational, Scientific and  
Cultural Organization

Versi Penuh:

[http://www.unesco.org/education/pdf/DISCR\\_E.PDF](http://www.unesco.org/education/pdf/DISCR_E.PDF)

Maklumat:

UNESCO: <http://portal.unesco.org/education>

EENET: <http://www.eenet.org.uk>

# Deklarasi Dunia terhadap Pendidikan untuk Semua

## Memenuhi Keperluan Pembelajaran Asas Menambahbaik Persekutuan Untuk Pembelajaran

Setiap orang - kanak-kanak, remaja dan dewasa - akan mendapat manfaat daripada peluang pendidikan yang direka sesuai dengan keperluan pembelajaran asasi mereka.

## Membentuk Wawasan

Untuk menyediakan keperluan pendidikan asas untuk semua memerlukan lebih daripada komitmen semula kepada pendidikan asas yang sediada. Apa yang diperlukan adalah "perluasan wawasan" yang melangkaui tahap sumber sekarang, struktur institusi, kurikulum, dan sistem penyampaian konvensional sementara menghasilkan yang terbaik melalui amalan pendidikan asas yang sediada.

## Akses Universal dan Mempromosikan Ekuiti Pendidikan asas harus disediakan kepada semua kanak-kanak, remaja dan dewasa.

## Fokus Terhadap Pembelajaran

Peluang pendidikan yang diperluas atau tidak boleh diterjemahkan kepada pembangunan yang bermakna - bagi seorang individu atau masyarakat - bergantung kepada sama ada mereka sebenarnya belajar hasil daripada peluang-peluang tersebut, seperti sama ada mereka menggabungkan pengetahuan yang berguna, keupayaan penaakulan, kemahiran dan nilai-nilai.

## Memperluas Cara Dan Skop Pendidikan Asas

- Pendidikan bermula semenjak lahir.
- Sistem penyampaian utama untuk asas pendidikan kanak-kanak di luar keluarga adalah sekolah rendah.
- Keperluan Pembelajaran Asas untuk remaja dan dewasa adalah banyak dan seharusnya memenuhi segenap kepelbagai sistem penyampaian.
- Kesemua kelengkapan dan saluran-saluran maklumat, komunikasi dan tindakan sosial boleh digunakan untuk menyampaikan pengetahuan yang penting dan memaklumkan dan mendidik masyarakat terhadap isu-isu sosial.

Pendidikan tidak mendapat tempat di dalam pengasingan. Oleh itu, masyarakat seharusnya memastikan semua pelajar menerima pemakanan seimbang, penjagaan kesihatan dan sokongan fizikal dan emosi secara umum yang diperlukan untuk mengambil bahagian secara aktif dan mendapat manfaat daripada pendidikan mereka.

## Memperkuatkan Perkongsian

Negara-negara serantau dan pihak berkuasa pendidikan tempatan bertanggungjawab untuk menyediakan pendidikan asas untuk semua, namun tanggungjawab untuk membekalkan kepada setiap manusia, keperluan kewangan atau organisasi tidak boleh diharapkan kepada mereka semata-mata. Pembaharuan perkongsian untuk semua peringkat adalah perlu:

## Membangunkan Konteks Dasar Yang Membantu

Dasar-dasar membantu di dalam sosial, kebudayaan dan sektor-sektor ekonomi adalah perlu untuk merealisasikan peruntukan dan penggunaan sepenuhnya pendidikan asas untuk pembangunan individu dan masyarakat.

## Mengerakkan Sumber

Adalah penting untuk menggerakkan sumber kewangan dan manusia, sektor awam, swasta dan sukarela yang sedia ada dan baru sekiranya keperluan pembelajaran asas ingin dipenuhi melalui skop tindakan yang lebih luas berbanding masa lalu.

## Memperkuuh Perpaduan Antarabangsa

Memenuhi keperluan pembelajaran asas menggantikan tanggungjawab biasa dan universal manusia. Ia memerlukan perpaduan antarabangsa dan perhubungan ekonomi yang adil dan saksama untuk memperbetulkan perbezaan ekonomi yang wujud.

Daripada: Merangkumi Kepelbagai - Perkakasan UNESCO untuk Mencipta Kesemua Persekitaran Mesra Pembelajaran (ILFE);  
 Buku Risalah 6: Mencipta ILFE yang sihat dan berperlindungan

### PENDIDIKAN KESIHATAN BERASASKAN KEMAHIRAN UNTUK MENCEGAH HIV/AI DS

Seksyen ini menerangkan bagaimana pendidikan kesihatan berasaskan kemahiran dapat digunakan untuk mencegah HIV/AI DS dan mengurangkan keaiban mereka yang dijangkiti wabak ini. Aktiviti-aktiviti seksyen ini, terutamanya, dapat digunakan untuk berurusan dengan lain-lain masalah kesihatan seperti yang telah dibincangkan di atas.

Pendidikan adalah kunci utama untuk mengurangkan aib dan menggalakkan pemahaman yang lebih tentang HIV/AI DS. Sekolah anda adalah tempat yang penting untuk mendidik kanak-kanak tentang HIV/AI DS, dan juga untuk menghentikan penyebaran jangkitan HIV yang meluas. Kejayaan untuk berbuat demikian bergantung kepada sebaik dan secepat mana kita dapat mencapai para kanak-kanak dan golongan muda untuk menggalakkan tingkahlaku kesihatan yang positif dan mencegah tingkahlaku yang berisiko di kalangan mereka.

Tanggungjawab kami yang paling genting ialah untuk mendidik golongan muda bagaimana untuk mengelak samada dijangkiti atau menyebarkan jangkitan kepada orang lain, dan juga untuk menggalakkan pembangunan polisi sekolah berkaitan HIV. Dengan cara begini, kita akan membuat peningkatan yang penting di dalam kualiti pendidikan kesihatan yang disediakan kepada golongan muda di sekolah, dan kita akan mengambil langkah yang penting ke arah meningkatkan taraf kesihatan komuniti kita.

Pendekatan kepada HIV/AI DS berasaskan kemahiran dengan penglibatan (aktif) teknik pembelajaran untuk:

- Menolong setiap individu untuk menilai tahap risiko masing-masing;

- Memeriksa nilai-nilai dan kepercayaan peribadi mereka;
- Menentukan apakah tindakan yang perlu diambil untuk melindungi diri mereka dan orang lain daripada HIV; dan
- Mendapatkan kemahiran yang akan membantu mereka untuk melaksanakan keputusan yang telah diambil.

Pendidikan kesihatan berasaskan kemahiran untuk mencegah HIV/AI DS boleh dikaitkan dengan isu-isu lain yang berkaitan yang telah disebut di kebanyakan sekolah, termasuk kesihatan pembiakan dan kehamilan, pendidikan populasi, pendidikan kehidupan berkeluarga, dan pencegahan penyalahgunaan dadah.

Apakah antara langkah-langkah bagi kamu memulakan program berasaskan kemahiran untuk mencegah HIV/AI DS di kalangan anak-anak kita? Mari kita lihat beberapa aktiviti yang anda, dan sekolah anda boleh lakukan, dan juga, apa yang anda boleh lakukan bersama anak anda.



#### Versi Penuh:

[http://www.unesco.org/education/efa/ed\\_for\\_all/background/jomtien\\_declaration.shtml](http://www.unesco.org/education/efa/ed_for_all/background/jomtien_declaration.shtml)

Embracing Diversity - UNESCO Toolkit for Creating Inclusive, Learning-Friendly Environments:  
<http://www2.unescobkk.org/elib/publications/032revised>

#### Maklumat:

UNESCO: <http://www.unesco.org>

UNESCO Bangkok: <http://www.unescobkk.org>

EENET: <http://www.eenet.org.uk>

IDP Norway: <http://www.idp-europe.org>

# Kenyataan dan Rangka Kerja Salamanca untuk Tindakan

## Kenyataan

### Perkara 2

Kami percaya dan yakin bahawa:

- Setiap kanak-kanak mempunyai hak asasi untuk pendidikan, dan mesti diberi peluang untuk mencapai dan mengekalkan satu tahap pendidikan yang boleh diterima,
- Setiap kanak-kanak mempunyai karektor, minat, keupayaan-keupayaan dan keperluan pembelajaran yang berbeza
- Sistem-sistem pendidikan harus direka dan program-program pendidikan dilaksanakan untuk mengambil kira ciri-ciri dan keperluan yang pelbagai ini,
- Mereka yang memerlukan pendidikan khas mesti mendapat akses untuk persekolahan biasa yang seharusnya menyediakan mereka dilingkungan pedagogi yang berteraskan anak-anak yang berupaya memenuhi keperluan tersebut,
- Sekolah-sekolah biasa dengan orientasi menyeluruh ini adalah cara paling berkesan dalam melawan diskriminasi terhadap sikap, mewujudkan komuniti yang mesra, membina sebuah masyarakat yang menyeluruh dan mencapai pendidikan untuk semua; tambahan pula, mereka menyediakan satu pendidikan yang berkesan untuk kebanyakan kanak-kanak dan memperbaiki kecekapan dan paling penting keberkesanan kos terhadap keseluruhan sistem pendidikan.

### Perkara 3

Kami menyeru semua kerajaan dan menggesa mereka untuk:

- memberi dasar tertinggi dan keutamaan belanjawan untuk meningkatkan sistem-sistem pendidikan mereka bagi membolehkan mereka menyediakan pendidikan untuk semua kanak-kanak tanpa mengira perbezaan atau kesukaran individu,
- mengambil prinsip pendidikan menyeluruh sebagai satu undang-undang atau dasar, mendaftarkan semua kanak-kanak ke sekolah biasa, kecuali terdapat alasan yang kukuh untuk melakukan yang sebaliknya,
- membangunkan projek-projek demonstrasi dan menggalakkan pertukaran-pertukaran

dengan negara-negara mempunyai pengalaman dengan sekolah-sekolah menyeluruh,

- mewujudkan mekanisma-mekanisma disentralisasi dan penyertaan untuk perancangan, pemantauan dan penilaian peruntukan pendidikan untuk kanak-kanak dan orang dewasa dengan keperluan pendidikan khas,
- menggalakkan dan memudahkan penyertaan ibu bapa, komuniti dan organisasi bagi orang kurang upaya dalam perancangan dan proses membuat keputusan yang berkaitan dengan peruntukan untuk keperluan pendidikan khas,
- melakukan lebih banyak usaha dalam mengenal pasti dan strategi-strategi awal campur tangan, serta dalam aspek vokasional pendidikan menyeluruh,
- memastikan bahawa dalam konteks perubahan yang sistemik, program pendidikan guru-guru, kedua-dua praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan, menyentuh mengenai peruntukan keperluan pendidikan khas dalam sekolah-sekolah menyeluruh.

## Rangka Kerja Untuk Tindakan

### Perkara 3

Lunas membimbing yang menggerakkan Rangka kerja ini adalah sekolah-sekolah seharusnya disediakan untuk semua kanak-kanak tanpa mengira keadaan fizikal, intelektual, sosial, emosi, linguistik atau lain-lain keadaan. Ini seharusnya termasuklah kanak-kanak kurang upaya dan berbakat, kanak-kanak jalanan atau yang bekerja, kanak-kanak dari populasi yang jauh atau nomadik, kanak-kanak dari bahasa, etnik atau budaya minority dan kanak-kanak dari kawasan atau kumpulan yang kurang bernasib baik atau terpinggir. Keadaan-keadaan ini mewujudkan satu julat cabaran yang berbeza untuk sistem-sistem persekolahan. Di dalam konteks Rangka kerja ini, frasa ‘keperluan pendidikan khas’ merujuk kepada semua kanak-kanak dan remaja yang mana keperluan mereka bermula daripada ketidakupayaan

atau kesukaran dalam pembelajaran. Ramai kanak-kanak menghadapi kesukaran dalam pembelajaran dan oleh itu mendapat keperluan pendidikan khas di beberapa ketika ketika persekolahan. Sekolah-sekolah perlu mencari cara untuk mendidik semua kanak-kanak dengan jayanya, termasuk mereka yang menghadapi kekurangan dan ketidakupayaan yang serius. Terdapat satu consensus terbentuk di mana kanak-kanak dan remaja dengan keperluan pendidikan khas seharusnya dimasukkan ke dalam susun atur pendidikan yang dibuat untuk kebanyakan kanak-kanak. Cabaran yang dihadapi sekolah menyeluruh ialah membangunkan pedagogi berteraskan kanak-kanak yang berupaya mendidik semua kanak-kanak dengan jayanya, termasuklah mereka yang mengalami kekurangan dan ketidakupayaan yang serius. [...]

#### Perkara 4

[...] Ia menganggap perbezaan manusia adalah normal dan pendidikan seharusnya diadaptasi bersesuaian dengan keperluan kanak-kanak daripada menyesuaikan kanak-kanak dengan andaian-andaian yang berkaitan dengan takdir berhubung kit dengan tahap dan sifat sesuatu proses pendidikan. Pedagodi yang berteraskan kanak-kanak adalah berfaedah kepada semua pelajar dan, sebagai kesannya, kepada masyarakat secara keseluruhannya. [...] Ia boleh mengurangkan sebilangan besar pelajar yang tercicir dan pengulangan [...], di samping memastikan tahap purata pencapaian lebih tinggi. [...] Sekolah-sekolah berteraskan kanak-kanak, tambahan pula, asas pembentukan bagi masyarakat yang berorientasikan orang yang menghormati kedua-dua perbezaan dan maruah kesemua manusia.

#### Perkara 6

[...] Kemasukan dan penyertaan adalah penting untuk maruah manusia dan untuk keseronokan dan latihan hak asasi manusia. [...]

#### Perkara 7

Prinsip asas sekolah menyeluruh adalah kanak-kanak seharusnya belajar bersama-sama, di mana-mana mungkin, tanpa menghiraukan sebarang kesukaran atau perbezaan mereka mungkin hadapi. Sekolah-sekolah menyeluruh hendaklah mengiktiraf dan bertindak balas terhadap pelbagai keperluan pelajar-pelajar mereka, [...]

#### Perkara 10

[...] Pengalaman, tambahan pula, mencadangkan bahawa sekolah-sekolah menyeluruh, berkhidmat kepada semua kanak-kanak dalam sebuah masyarakat, adalah paling berjaya dalam meraih sokongan masyarakat dan dalam mencari cara-cara yang imaginative dan inovatif dengan menggunakan sumber yang terhad yang boleh didapati.

#### Perkara 18

Dasar-dasar pendidikan di semua peringkat, daripada negara sehingga tempatan, harus mensyaratkan bahawa kanak-kanak dengan kekurangan harus menghadiri sekolah di kawasan tersebut iaitu, sekolah itu yang akan dihadiri jika kanak-kanak tidak mempunyai satu kecacatan. [...]



gambar oleh IDP Norway

#### Versi Penuh:

[http://www.unesco.org/education/pdf/SALAMA\\_E.PDF](http://www.unesco.org/education/pdf/SALAMA_E.PDF)

#### Maklumat:

UNESCO: <http://www.unesco.org>

#### EENET:

<http://www.eenet.org.uk/newsletters/news8/news8.shtml>

# Rangka Kerja Dakar - Pendidikan Untuk Semua

## Perkara 3

[...] Ia adalah satu kaedah pendidikan untuk mengasah bakat dan potensi setiap individu, dan mengembangkan personaliti pelajar, supaya mereka dapat memperbaiki kehidupan mereka dan mengubah masyarakat mereka.

## Perkara 6

Pendidikan merupakan hak asasi manusia. [...]

## Perkara 7

Kita dengan ini secara keseluruhannya melakukan sendiri bagi mencapai matlamat berikut

- (i) memperluas dan mempertingkat penjagaan serta pendidikan alam kanak-kanak awal yang komprehensif, terutamanya bagi kanak-kanak yang paling lemah dan kurang bernasib baik;
- (ii) memastikan bahawa menjelang 2015 semua kanak-kanak, terutamanya perempuan, kanak-kanak yang menghadapi kesukaran dan mereka yang tergolong di dalam kumpulan minoriti, mendapat akses untuk pendidikan asasi yang lengkap, percuma dan wajib yang berkualiti;
- (iii) memastikan bahawa keperluan pembelajaran untuk semua kanak-kanak muda dan dewasa dicapai melalui akses yang sama rata untuk program pendidikan dan kemahiran hidup yang sesuai;
- (iv) mencapai 50 peratus peningkatan dalam tahap celik huruf orang dewasa menjelang 2015, terutama sekali bagi wanita, dan akses sama rata untuk pendidikan asas dan menyambung pelajaran untuk semua orang dewasa;
- (v) menghapuskan perbezaan jantina dalam pendidikan rendah dan menengah menjelang 2005, dan mencapai kesamarataan jantina dalam pendidikan menjelang 2015, dengan fokus untuk memastikan perempuan mendapat akses penuh dan sama rata dan pencapaian di dalam pendidikan asas yang berkualiti;
- (vi) meningkatkan kualiti semua aspek di dalam pendidikan [...].

## Perkara 15

Pelaksanaan matlamat-matlamat serta strategi-strategi terdahulu akan memerlukan saduran mekanisma-mekanisma negara dan daerah dengan segera. Penyertaan dan, di mana-mana yang mungkin, didirikan di atas

apa yang sedia ada, akan menjadikan mekanisma ini efektif. [...]

## Perkara 16

Nadi EFA terletak pada tahap negara. Forum EFA Kebangsaan akan diperkuat dan ditubuhkan untuk menyokong pencapaian EFA. Semua kementerian yang berkaitan dan organisasi masyarakat awam negara akan diwakili secara sistematik di dalam Forum-forum ini. [...] Negara-negara akan menyediakan Pelan EFA Kebangsaan yang menyeluruh [...] matlamat; [di dalam perancangan rangka kerja dan proses pembangunan negara]

## Perkara 27

Ancaman yang timbul akibat HIV/AIDS untuk mencapai matlamat EFA dan untuk pembangunan lebih meluas, terutama di dalam sub-Saharan Afrika, melambangkan satu cabaran besar. Kesan menakutkan HIV/AIDS terhadap permintaan pendidikan, bekalan dan kualiti memerlukan perhatian yang jelas dan segera dalam dasar-pembuatan perancangan negara. Program-program untuk mengawal dan mengurangkan penyebaran virus mesti menggunakan penggunaan maksimum pendidikan yang berpotensi untuk menyampaikan mesej-mesej mengenai pencegahan dan untuk mengubah sikap dan tindakan.

## Perkara 62

Wabak HIV/AIDS melemahkan perkembangan Pendidikan untuk Semua dalam banyak bahagian di dunia ini dengan mempengaruhi permintaan, bekalan dan kualiti pendidikan yang serius. Keadaan ini memerlukan perhatian segera pihak kerajaan, masyarakat awam dan masyarakat antarabangsa. Sistem-sistem pendidikan mesti melalui perubahan penting sekiranya mereka terselamat daripada impak HIV/AIDS bertindakbalas terhadap penyebarannya, terutama sekali dalam tindakbalas impak tersebut ke atas permintaan terhadap bekalan guru dan pelajar. Untuk mencapai matlamat-matlamat EFA akan memerlukan HIV/AIDS untuk diletakkan sebagai keutamaan tertinggi di kebanyakan negara yang terlibat, dengan komitmen politik yang kukuh dan berterusan; mengalirkn

perspektif terhadap HIV/AIDS di dalam semua aspek dasar, perancangan semula latihan dan kurikulum guru, menambah sumber-sumber yang signifikan untuk usaha ini.

#### Perkara 63

Dekad tersebut telah menunjukkan bahawa wabak telah mendapat, dan akan bertambah, mengakibatkan kebinasaan kesan ke atas sistem-sistem pendidikan, guru-guru dan pelajar-pelajar, dengan satu impak yang sangat buruk terhadap perempuan. Keaiban dan kemiskinan disebabkan HIV/AIDS telah mencipta kasta-kasta sosial baru di mana kanak-kanak dikecualikan daripada pendidikan dan peluang mencari nafkah yang dikurangkan bagi orang dewasa. Satu tindakbalas berasaskan hak terhadap pengurangan HIV/AIDS dan pengawalan berterusan kesan daripada wabak terhadap matlamat EFA adalah penting. Tindak balas ini seharusnya termasuk tindakan perundangan dan pentadbiran yang sesuai untuk memastikan hak mereka yang dijangkiti HIV/AIDS untuk menerima pendidikan dan menentang diskriminasi yang terdapat di dalam sektor pendidikan.

#### Perkara 64

Institusi dan struktur pendidikan harus mewujudkan satu persekitaran selamat dan membantu untuk kanak-kanak dan anak-anak muda di dunia HIV/AIDS, dan memperkuat perlindungan mereka daripada penganiayaan seksual dan bentuk-bentuk eksloitasi yang lain. Pendekatan tidak formal yang fleksibel seharusnya diterima untuk mendekati kanak-kanak dan orang dewasa yang dijangkiti HIV/AIDS, dengan perhatian khusus kepada anak-anak yatim AIDS. Kurikulum berasaskan pendekatan terhadap kemahiran hidup seharusnya memasukkan semua aspek penjagaan dan pencegahan HIV/AIDS. Ibu bapa dan komuniti juga seharusnya mendapat manfaat daripada program-program yang berkaitan dengan HIV/AIDS. Guru-guru mestilah dilatih dengan secukupnya, di dalam perkhidmatan dan praperkhidmatan, dalam menyediakan pendidikan HIV/AIDS, dan guru-guru yang dijangkiti dengan wabak seharusnya diberi sokongan pada semua peringkat.

#### Kanak-kanak yang Tidak Bersekolah: Berapa Ramai dan Siapakah Mereka? [Laporan Pemantauan Global EFA 2007, p. 3]

Pembangunan sedang dijalankan bagi mengurangkan bilangan kanak-kanak sekolah rendah yang tidak mendaftar di sekolah. Antara 1999 dan 2004 bilangan ini menurun kira-kira dari 21 juta ke 77 juta. Jumlah ini adalah masih sangat tinggi, dan tidak dapat diterima. Sub-Saharan Afrika, dan Selatan dan Barat Asia adalah tempat di mana lebih tiga suku daripada bilangan kanak-kanak ini, walaupun rantau ini kemudiannya dibahagi dua jumlahnya di antara 1999 dan 2004, terutamanya disebabkan oleh pengurangan di India. Anggaran global, tinggi walaupun ia, memperkecilkan masalah tersebut: data daripada kaji selidik terhadap isi rumah menunjukkan bahawa ramai kanak-kanak yang mendaftar di sekolah selalu tidak hadir ke sekolah.

Kebanyakan kanak-kanak tidak ke sekolah dan tercicir tinggal di kawasan luar bandar dan datang dari keluarga yang susah. Secara purata, seorang kanak-kanak yang ibunya tiada pendidikan adalah dua kali ganda lebih berkemungkinan tidak ke sekolah seperti kanak-kanak yang ibunya mendapat pendidikan.



#### Versi Penuh:

[http://www.unesco.org/education/efa/ed\\_for\\_all/background/jomtien\\_declaration.shtml](http://www.unesco.org/education/efa/ed_for_all/background/jomtien_declaration.shtml)

#### Maklumat:

UNESCO: <http://www.unesco.org>

UNESCO Bangkok: <http://www.unescobkk.org>

EENET: <http://www.eenet.org.uk>

# Matlamat Pembangunan Milenium

## MDG 1: Membasmi Kemiskinan dan Kelaparan

- Antara tempoh 1990 dan 2015, mengurangkan separuh perkadaran penduduk yang berpendapatan kurang daripada US\$1.00 sehari
- Bagi tempoh 1990 dan 2015, mengurangkan separuh perkadaran penduduk yang kelaparan

## MDG 2: Mencapai Pendidikan Rendah yang Universal

- Memastikan menjelang tahun 2015, kanak-kanak tanpa mengira lelaki dan perempuan boleh menamatkan pengajian sekolah rendah sepenuhnya

## MDG 3: Meningkatkan Kesaksamaan Gender dan Memperkasakan Wanita

- Memastikan menjelang tahun 2015, kanak-kanak tanpa mengira lelaki dan perempuan boleh menamatkan pengajian sekolah rendah sepenuhnya

## MDG 4: Mengurangkan Mortaliti Kanak-kanak

- Bagi tempoh 1990 dan 2015, mengurangkan sebanyak dua pertiga, kadar kematian kanak-kanak di bawah umur 5 tahun

## MDG 5: Memperbaiki Kesihian Ibu Bersalin

- Bagi tempoh 1990 dan 2015, menurunkan 75% nisbah kematian ibu bersalin

## MDG 6: Mencegah HIV/AIDS, Malaria dan Lain-lain Penyakit

- Menjelang 2015 dapat memberhentikan penyebaran dan seterusnya menghapuskan HIV/AIDS
- Menjelang 2015, menghentikan dan seterusnya membasmi kejadian malaria dan lain-lain penyakit utama

## MDG 7: Memastikan Alam Sekitar yang Mapan

- Menyepadukan prinsip pembangunan mapan dalam dasar dan program negara serta menebus semula kehilangan sumber alam sekitar
- Menjelang 2015, mengurangkan separuh peratusan penduduk yang tidak mendapat

akses bekalan air minum selamat dan kemudahan pembersihan asas yang mapan

- Menjelang 2020, berjaya mencapai penambahbaikan yang ketara bagi kehidupan 100 juta penduduk di kawasan sesak (setinggan)

## MDG 8: Mewujudkan Perkongsian Global untuk Pembangunan

- Membangun selanjutnya perdagangan yang tidak memihak dan sistem kewangan yang terbuka, berdasarkan peraturan serta boleh diramal. Termasuk komitmen kepada pentadbiran baik, pembangunan dan penurunan kemiskinan - di peringkat negara dan antarabangsa
- Memenuhi keperluan khusus negara termiskin termasuk penepian tarif dan kuota kepada eksport negara-negara yang paling kurang membangun; program bantuan bagi hutang untuk HIPC, dan pembatalan hutang dua hala yang rasmi, dan bantuan ODA yang lebih banyak, kepada negara-negara yang berkomited untuk menurunkan kemiskinan
- Memenuhi keperluan khusus negara-negara 'landlocked' dan negara-kepulauan yang sedang membangun
- Mengendalikan masalah hutang negara sedang membangun secara komprehensif melalui pengukuran nasional dan antarabangsa supaya hutang tersebut mapan dalam jangka panjang
- Berkerjasama dengan negara sedang membangun membentuk dan melaksanakan strategi untuk menyediakan pekerjaan yang sesuai dan produktif bagi golongan belia
- Berkerjasama dengan syarikat farmasi, menyediakan akses kepada ubat-ubatan perlu dan termampu di negara sedang membangun
- Berkerjasama dengan pihak swasta, menyediakan kemudahan teknologi baru terutamanya berkaitan dengan komunikasi dan maklumat

Prakata oleh Setiausaha Agung PBB - Kofi Annan Untuk Laporan Wabak AIDS Sedunia 2006 oleh UNAIDS  
[\[http://www.unaids.org/en/HIV\\_data/2006GlobalReport\]](http://www.unaids.org/en/HIV_data/2006GlobalReport)

Tahun ini menandakan suku abad semenjak kes AIDS pertama telah dilaporkan. Pada masa itu, AIDS pada dasarnya telah mengubah dunia pembunuhan kita dengan lebih daripada 25 juta orang lelaki dan wanita, menjadikan berjuta-juta kanak-kanak anak yatim, menambahkan kemiskinan dan kelaparan, dan, di sesetengah negara, juga menterbalikkan pembangunan manusia secara keseluruhan. Hampir 40 juta orang pada hari ini dijangkiti HIV-sebahagian daripada mereka adalah wanita. Apa yang dilaporkan sebagai sebilangan kecil kes penyakit misteri kini menjadi wabak yang digambarkan sebagai ancaman terbesar kepada kemajuan global dalam abad ke-21. Selepas satu permulaan yang sangat lewat dan bermula dengan perlahan, respon dunia telah mengumpulkan kekuatan-seperti yang dapat kita lihat di Sesi Perhimpunan Agung Istimewa HIV/AIDS Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu lima tahun yang lalu. Semenjak itu, didapati perkembangan yang luar biasa di dalam menghimpunkan kepimpinan politik, menggerakkan sumber kewangan dan teknikal, membawa rawatan antiretroviral menyelamatkan nyawa kepada orang di seluruh dunia, dan malah mengundurkan penyebaran di sesetengah negara termiskin di dunia. Adalah menjadi harapan saya iaitu Perhimpunan Agung 2006 Mesyuarat Peringkat Tinggi mengenai AIDS adalah satu tindakan susulan kepada Sesi Khas akan membantu menggerakkan respon terhadap AIDS ke satu tahap lagi: mengandungi dan menterbalikkan wabak dengan efektif. Ini bermakna melakukan dengan lebih banyak usaha daripada melipatgandakan usaha yang sedia ada sekarang. Kita memerlukan komitmen yang jauh lebih besar dari segi azam politik, keberanian dan sumber-sumber: kita perlu menyatukan tindakan di atas satu skala baru. Satu-satunya matlamat yang diterima untuk dunia adalah untuk menghentikan dan paling utama, meletakkan satu pengakhiran kepada AIDS. Hanya selepas itu kita akan mencapai Matlamat Pembangunan Alaf dan berjaya di dalam usaha kita untuk membina kemanusiaan, kesihatan dan dunia yang saksama.

Daripada Ringkasan Laporan Pemantauan Global 2007  
[\[http://www.efareport.unesco.org\]](http://www.efareport.unesco.org)

Persamaan Jantina: Masih Belum Menjadi Nyata

Kini ada 94 orang pelajar perempuan di sekolah rendah untuk 100 orang pelajar lelaki, atas daripada 92 dalam 1999. Daripada 181 buah negara dengan 2004 data yang boleh didapati, hampir dua pertiga telah mencapai persamaan jantina dalam pendidikan rendah. Perbezaan jantina pendidikan rendah yang mengutamakan pelajar lelaki telah menurun di dalam hanya empat daripada dua puluh enam buah negara yang mempunyai nisbah pendaftaran kasar di bawah 90% dalam 2000.

Hanya satu pertiga daripada 177 buah negara dengan data boleh didapati di pendidikan menengah telah mencapai persamaan. Di tahap ini perbezaan mengutamakan pelajar perempuan adalah sekerap pelajar lelaki. Pada peringkat tinggi, persamaan jantina wujud hanya di lima buah negara-negara daripada 148 dengan data pada 2004. Persamaan jantina juga dikekalkan menjadi satu isu, dengan stereotaip berterusan di dalam bahan pebelajaran dan, terlalu kerap, jangkaan-jangkaan guru terhadap pelajar perempuan dan lelaki adalah berbeza.



Maklumat:

UN: <http://www.un.org/millenniumgoals>  
 UNDP: <http://www.undp.org/mdg>  
 UNDP Malaysia: <http://www.undp.org.my>  
 UNAIDS: <http://www.unaids.org>

# Akta Pendidikan

"sekolah kebangsaan" ertinya sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan -

- (a) yang menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi murid dari umur enam tahun;
- (b) yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama;
- (c) yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib; dan
- (d) di mana kemudahan bagi pengajaran -
  - (i) bahasa Cina atau Tamil hendaklah diadakan jika ibu bapa sekurang-kurangnya lima belas orang murid di sekolah itu memintanya; dan
  - (ii) bahasa-bahasa kaum asli hendaklah diadakan jika didapati munasabah dan praktik berbuat sedemikian dan jika ibu bapa sekurang-kurangnya lima belas orang murid di sekolah itu memintanya;

## Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama

17. (1) Bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini.
- (2) Jika bahasa pengantar utama di sesuatu institusi pendidikan adalah selain daripada bahasa kebangsaan, maka bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan itu.

## Bahasa pengantar di tadika

23. Walau apa pun subseksyen 17(1), bahasa-bahasa selain daripada bahasa kebangsaan boleh digunakan sebagai bahasa pengantar di tadika, tetapi jika sesuatu tadika menggunakan bahasa selain daripada bahasa kebangsaan, bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib.

## Pendidikan Rendah Wajib

- 29A (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, menetapkan pendidikan rendah menjadi pendidikan wajib.

- (2) Tiap-tiap ibu bapa yang merupakan warganegara Malaysia yang tinggal di Malaysia hendaklah memastikan bahawa jika anaknya telah mencapai umur enam tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa anak itu didaftarkan sebagai murid di sekolah rendah dalam tahun itu dan terus menjadi murid di sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan wajib. [...]
- (4) Ibu bapa yang melanggar subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

## Menteri hendaklah mengadakan pendidikan khas

40. Menteri hendaklah mengadakan pendidikan khas di sekolah khas yang ditubuhkan di bawah perenggan 34(1)(b) atau di mana-mana sekolah rendah atau menengah yang difikirkan oleh Menteri suaimanfaat.

## Kuasa untuk menetapkan tempoh dan kurikulum pendidikan khas

41. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), Menteri boleh melalui peraturan-peraturan menetapkan-
- (a) tempoh pendidikan rendah dan menengah yang sesuai dengan keperluan murid yang menerima pendidikan khas;
  - (b) kurikulum yang hendaklah digunakan berhubungan dengan pendidikan khas;
  - (c) kategori murid yang memerlukan pendidikan khas dan kaedah yang sesuai bagi pendidikan murid dalam setiap kategori sekolah khas; dan
  - (d) apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Menteri suaimanfaat atau perlu bagi maksud Bab ini.

- (2) Tempoh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah perenggan (1)(a) tidak boleh kurang daripada tempoh minimum pendidikan rendah atau menengah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diperuntukkan di bawah Akta ini.
- (3) Kurikulum yang ditetapkan di bawah perenggan (1)(b) hendaklah mematuhi kehendak Kurikulum Kebangsaan setakat yang semunasabahnya praktik

**Kuasa Menteri untuk memberikan bantuan**

64. Tertakluk kepada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, Menteri boleh memberikan sama ada bantuan kewangan atau selainnya berkenaan dengan murid atau mana-mana golongan murid di institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan dan bantuan itu boleh termasuk-

- (a) pemberian dermasiswa, biasiswa, pinjaman atau bantuan lain; dan
- (b) penyediaan-
  - (i) tempat tinggal;
  - (ii) pengangkutan;
  - (iii) buku; dan
  - (iv) perkhidmatan perubatan dan pergigian, bagi maksud membolehkan murid itu menggunakan sepenuhnya kemudahan yang tersedia bagi mereka atau bagi maksud memperbaiki kesihatan dan kesejahteraan hidup mereka.

**Pemeriksaan perubatan dan pergigian terhadap murid**

65. (1) Tanpa menjelaskan keluasan kuasa yang diberikan oleh seksyen 64, Menteri hendaklah, setakat yang munasabah dan praktik berbuat sedemikian, mengadakan pemeriksaan perubatan dan pergigian pada lat tempoh yang sesuai ke atas murid institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan. [...]

66. Tanpa menjelaskan keluasan kuasa yang diberikan oleh seksyen 64, Menteri boleh, jika tidak boleh semunasabinya disediakan bagi murid pendidikan atau latihan yang diperlukan melainkan jika tempat penginapan disediakan, membuat perkiraan bagi mengadakan tempat penginapan (sama ada percuma atau tertakluk kepada apa-apa bayaran yang diperuntukkan dalam perkiraan itu) yang difikirkannya sesuai.

**Institusi pendidikan swasta hendaklah mematuhi kehendak Kurikulum Kebangsaan dan menyediakan murid bagi peperiksaan yang ditetapkan**

74. Institusi pendidikan swasta yang menyediakan pendidikan rendah atau menengah atau kedua-duanya hendaklah mematuhi kehendak Kurikulum Kebangsaan dan hendaklah menyediakan murid bagi peperiksaan yang ditetapkan

[Subseksyen 18(2)]

**Mata pelajaran tterseras dalam kurikulum kebangsaan**

1. Mala pelajaran teras dalam Kurikulum Kebangsaan hendaklah menjadi asas utama pendidikan murid di semua sekolah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan.
2. Mata pelajaran teras pada peringkat sekolah rendah ialah-
  - (a) Bahasa Kebangsaan;
  - (b) Bahasa Inggeris;
  - (c) Bahasa Cina, bagi murid di sekolah jenis kebangsaan (Cina);
  - (d) Bahasa Tamil, bagi murid di sekolah jenis kebangsaan (Tamil);
  - (e) Matematik;
  - (f) Sains;
  - (g) Kajian Tempatan;
  - (h) Pendidikan Islam, bagi murid yang menganut agama Islam; dan
  - (i) Pendidikan Moral, bagi murid yang tidak menganut agama Islam..



**Versi Penuh:**

<http://www.parlimen.gov.my/actindex/pdf/AKTA-550.pdf>  
dan  
<http://apps.emoe.gov.my/bs/spi/2002/14-2002.pdf>

**Maklumat:**

Ministry of Education: <http://www.moe.gov.my>  
Parliament of Malaysia: <http://www.parlimen.gov.my>

# Deklarasi Bangkok ke atas Persidangan Menteri - Menteri Pendidikan Asia Tenggara / UNESCO /

Kami, Menteri dan Pegawai Tertinggi Kementerian Pendidikan dari 10 buah negara di Asia Tenggara, telah bertemu di dalam Forum Menteri pada 26 Mei di Bangkok, Thailand bagi membincangkan isu “peningkatan capaian, kualiti dan pendidikan melalui persekitaran pembelajaran yang mesra kanak-kanak”.

Kami mengiktiraf perkara di bawah:

- Bahawa projek berterusan SEAMEO ke atas “Kualiti dan Ekuiti dalam Pendidikan” telah menjelaskan lagi komitmen kami dalam memenuhi hak kanak-kanak di dalam memperoleh pendidikan asas yang berkualiti.
- Bahawa definisi lengkap kualiti dan ekuiti di dalam pendidikan merangkumi
  - a. Pendidikan menyeluruh; dan
  - b. Pendidikan mengikut tindakbalas jantina; dan
  - c. Persekitaran pembelajaran yang sihat dan selamat;
- Bahawa kebanyakkan negara serantau sedang membangun dan mengimplementasi inovasi dalam pendidikan yang lebih sistematisik;
- Bahawa kebanyakkan inovasi ini adalah berdasarkan kepada rangkakerja “sekolah mesra kanak-kanak” dan “persekitaran mesra kanak-kanak”.

Oleh itu, Kami, bersetuju dengan perkara di bawah:

- Untuk memperkuuhkan lagi komitmen kami ke atas visi ‘kualiti dan ekuiti di dalam pendidikan’ bersama Negara Anggota SEAMEO , seperti yang dinyatakan di dalam Deklarasi SEAMEO ke atas Kualiti dan Ekuiti di dalam Pendidikan di Asia Tenggara yang ditandatangani oleh Menteri-Menteri Pendidikan SEAMEO pada Persidangan Dewan SEAMEO ke 37 yang diadakan di Chiang Mai, Thailand pada Maret 2002;
- Untuk menggalakkan di kalangan kementerian pendidikan kami satu definisi lengkap di dalam pendidikan berkualiti yang

mana bukan sahaja menjamin pengajaran dan pembelajaran efektif, malah merangkumi

- a. Pendidikan menyeluruh;
- b. Pendidikan mengikut tindakbalas jantina; dan
- c. Persekitaran pembelajaran yang sihat dan selamat;

- Untuk berkongsi pengalaman dan praktis terbaik, dan terus menghasilkan perubahan dan inovasi yang berterusan (seperti Child-Friendly Schools dan SMART Schools) yang memberi perhatian tertentu dalam meningkatkan capaian dan kualiti pendidikan melalui persekitaran pembelajaran sekolah mesra kanak-kanak termasuk integrasi di antara guru pra-perkhidmatan dan guru dalam perkhidmatan serta program sokongan;
- Untuk menggalakkan di kalangan kementerian pendidikan kami, satu program sistematik pembangunan kapasiti di dalam pengurusan dasar sekolah dan pendidikan berasaskan komuniti yang mana turut membantu dalam menggalakkan kerjasama komuniti sekolah dan pemberian kuasa di kalangan pemegang kuasa pendidikan
- Untuk berkolaborasi lebih aktif dan membina kerjasama serta jaringan di dalam SEAMEO, serta mencuba untuk berkolaborasi dengan lain-lain negara, dengan kementerian kerajaan yang berkaitan serta agensi bantuan pembangunan yang berminat dan organisasi bukan kerajaan, dalam usaha untuk melihat kualiti pendidikan dari sudut holistik;
- Untuk mengkaji semula usaha-usaha ini setiap tahun di Mesyuarat Ahli Tertinggi SEAMEO dan meneroka lain-lain aktiviti yang boleh dilaksanakan untuk menggalakkan kualiti dan capaian kepada pendidikan melalui persekitaran pembelajaran mesra kanak-kanak.

Bangkok, 26 Mei 2004

Daripada Pengenalan kepada: Pendidikan di Dalam Dunia Multibahasa  
Kertas Status Pendidikan UNESCO; 2003

[...] Bahasa, dan lebih tepat lagi, pemilihan bahasa sebagai bahasa perantaraan di dalam pendidikan merupakan kebimbangan setiap individu dan seringkali membawa kepada keadaan serba salah. Persoalan mengenai identiti, bangsa dan kuasa dikatakan berkait rapat dengan pemilihan penggunaan sesuatu bahasa yang spesifik di dalam bilik darjah. Bahasa itu sendiri adalah dinamik dan sentiasa melalui proses kesinambungan dan perubahan, yang mana memberi impak ke atas cara komunikasi masyarakat yang berbilang selagi ianya terus berkembang. Penggubal polisi pendidikan mempunyai keputusan sukar yang perlu dibuat berhubung bahasa, persekolahan dan kurikulum di mana sering berlaku pertindihan dalam bidang teknikal dan politikal. Walaupun terdapat argumentatif pendidikan yang kuat dalam memberi kelebihan kepada bahasa ibunda (bahasa pertama) sebagai bahasa perantaraan, pertimbangan yang berhati-hati perlu dibuat bagi membolehkan masyarakat menggunakan bahasa tempatan dalam pembelajaran, dan dalam masa yang sama menyediakan capaian kepada bahasa komunikasi global melalui pendidikan. Oleh kerana itu, tujuan kertas ini adalah untuk mempertimbangkan beberapa isu penting berhubung bahasa dan pendidikan serta memberikan asas dan panduan yang berkaitan. Untuk berbuat demikian, kami sedar, adalah perlu kepada penyataan berhubung polisi bahasa yang berkaitan dengan pendidikan, terutama sekali di dalam konteks Pendidikan Untuk Semua dan juga sasaran Dakar dalam memberi jaminan bahawa menjelang 2015, semua kanak-kanak dapat menikmati pendidikan primer yang berkualiti dan terdapat peningkatan sebanyak 50 peratus celik huruf di kalangan golongan dewasa menjelang tahun 2015.

Pada tahun 1953 UNESCO telah menerbitkan laporan pakar berhubung Penggunaan Bahasa Bumiputera Dalam Pendidikan dan laporan ini sering dipetik di dalam dokumen UNESCO yang menyentuh tentang isu tersebut. Perubahan yang besar telah berlaku untuk tempoh 50 tahun yang lepas, walau

bagaimanapun, jelas terdapat transformasi politikal yang membawa kepada polisi bahasa yang baru terutamanya di negara selepas jajahan dan yang baru mendapat kemerdekaan; ratusan bahasa telah hilang di dunia dan banyak lagi yang kekal tidak terjejas; migrasi dalam jumlah yang besar telah membawa bahasa yang pelbagai dan baru ke benua dan negara-negara lain; internet telah membawa perubahan yang dramatik dari segi bagaimana bahasa itu digunakan untuk pembelajaran dan berkomunikasi; dan peredaran globalisasi yang pesat telah mencabar kewujudan kecil identiti tempatan di mana kebanyakannya adalah berdasarkan kepada bahasa. Masanya telah tiba kepada UNESCO untuk mempertimbangkan kedudukannya di dalam bahasa dan pendidikan.

Kertas Status Pendidikan ini terbahagi kepada 3 bahagian. Dalam Bahagian I, kami membentangkan tentang konsep utama [...] Dalam Bahagian II, kami membentangkan tentang sintesis yang menentukan standard rangka kerja untuk asas bahasa dan pendidikan [...] Bahagian III kertas tersebut menyediakan sintesis kesemua diskusi dan persetujuan ke atas isu bahasa yang telah diterima di bawah naungan Bangsa Bersatu dan UNESCO. [...]



Versi Penuh:

<http://www.idp-europe.org/indonesia/bkkforum.pdf>

Education in a Multilingual World:

<http://unesdoc.unesco.org/images/0012/001297/129728e.pdf>

Maklumat:

SEAMEO: <http://www.seameo.org/vl/library/dlwelcome/photogallery/mou/bangkok>

# Cadangan-Cadangan dari Simposium Antarbangsa: Halangan untuk Pembelajaran, Mengambil Baha

Dengan mengambil kira soal sesebuah negara, wilayah dan antarabangsa obligasi dan komitmen mengenai hak sama rata untuk kanak-kanak, para peserta mencadangkan supaya penglibatan dan pendidikan mesra kanak-kanak seharusnya dilihat sebagai:

- Satu langkah menyeluruh dalam memperbaiki nilai sekolah untuk menjamin strategi negara yang menyatakan ‘pelajaran untuk semua’ adalah benar-benar bermaksud untuk semua orang.
- Satu cara memastikan yang semua kanak-kanak menerima penjagaan berkualiti dan pembelajaran yang diterima di peringkat masyarakat setempat adalah sebahagian dari program pembangunan awal kanak-kanak, pendidikan pra sekolah, peringkat rendah dan menengah, terutamanya untuk kanak-kanak yang tersingkir dari sistem pembelajaran biasa atau terdedah kepada penyingkiran secara marginal.
- Sebagai satu sumbangan kepada pembangunan masyarakat yang menghormati dan menghargai kelainan setiap individu sesebuah negara.

Kes ini, misalnya yang mana lebih dari 500 orang peserta dari 30 buah negara yang menghadiri simposium antarabangsa ini dan telah membuat cadangan-cadangan berikut untuk menambahbaikan system pendidikan di Asia dan seluruhnya

1. Penglibatan secara menyeluruh sepatutnya dilihat sebagai prinsip penting yang menjadi asas semua polisi negara.
2. Konsep kualiti sepatutnya memberi lebih fokus kepada isu sosial, emosi dan pembangunan fizikal yang mana sama pentingnya dengan pencapaian akademik kanak-kanak.
3. Sistem penilaian negara perlu disemak dalam hal berkaitan prinsip tanpa diskriminasi dan penglibatan dengan konsep kualiti di atas
4. Orang dewasa seharusnya menghormati dan menghargai kanak-kanak tanpa mengambil kira karektar individu dan keadaan dan harus lebih mengambil kira pandangan kanak-kanak dalam sesuatu hal.

5. Semua jabatan kerajaan seharusnya bekerjasama untuk membangunkan satu strategi umum terhadap penglibatan menyeluruh.
6. Untuk mempastikan sistem ‘pelajaran untuk semua’ di sekolah mesra kanak-kanak adalah mengikut garis panduan CFS, isu diskriminasi dan penglibatan perlu ditangani dalam semua dimensi CFS, dengan koordinasi dan usaha yang dikongsi bersama antara kerajaan dan NGO, penderma, komuniti dan masyarakat setempat, ibu-bapa, kanak-kanak dan syarikat swasta.
7. Semua kerajaan, organisasi antarabangsa dan NGO seharusnya mengadakan kolaborasi dan mengkoordinasikan usaha mereka untuk mencapai pembangunan berterusan dengan penglibatan menyeluruh dengan komuniti dan belajar untuk menyediakan sebuah persekitaran yang mesra kanak-kanak.
8. Pihak kerajaan seharusnya menilai kesan sosial dan ekonomi jika tidak memberi pendidikan yang sewajarnya untuk semua kanak-kanak, dan seharusnya memastikan semua kanak-kanak yang berada di dalam peringkat umur persekolahan dimasukkan ke dalam sistem EMIS.
9. Program pendidikan guru untuk peringkat pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan perlu dikaji semula bagi memberikan sokongan dalam membangunkan konsep penglibatan menyeluruh dari peringkat pra persekolahan dengan memberi lebih penekanan kepada pemahaman holistik mengenai pembangunan pelajaran termasuklah sebarang bentuk gangguan awal kanak-kanak.
10. Pihak kerajaan (pusat, wilayah dan daerah) dan pihak sekolah sepatutnya mewujudkan dan mengadakan sesi dialog dengan pihak komuniti, termasuklah ibu-bapa para pelajar tentang nilai tanpa diskriminasi dan penglibatan dalam sistem pendidikan.

Kesan daripada cadangan-cadangan ini ialah tentang prinsip penglibatan seharusnya menjadi asas kepada semua strategi untuk menaikkan standard atau tahap dalam [formal

# Penglibatan dan Penyingkiran gian dan Pembangunan

2005


dan tidak formal] sistem pendidikan, membangunkan sekolah yang mesra pelajar dan akhirnya untuk mencapai maksud pendidikan untuk semua. Semua ini harus melibatkan agensi lain yang memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak dan

keluarga mereka contohnya seperti pihak berkuasa sosial dan kesihatan dan juga organisasi yang menyokong golongan ini. Ini juga memerlukan komitmen berterusan di peringkat kawasan dan negara.

## Asas Diskriminasi Terhadap Kanak-Kanak

Sumber: Garis Panduan Pelaksanaan Untuk Konvensyen Hak Asasi Kanak-Kanak;  
UNICEF 2002; p.28]

- Jantina
- Ketidakupayaan
- Bangsa, tidak suka dengan bangsa asing dan diskriminasi bangsa
- Latarbelakang etnik
- Pilihan / Selera seksual
- Kasta tertentu, kaum
- 'Tidak boleh disentuh'
- Bahasa
- Kanak-kanak yang tidak didaftar kelahiran
- Kanak-kanak yang dilahirkan kembar
- Kanak-kanak yang dilahirkan pada hari malang
- Kanak-kanak yang dilahirkan pada posisi berbeza
- Kanak-kanak yang dilahirkan dalam keadaan tidak normal
- Polisi 'satu anak' atau 'tiga anak'
- Kanak-kanak yatim piatu
- Kawasan tempat tinggal
  - Perbezaan antara lain wialayah/daerah/negeri
  - Pedalaman [Kawasan ulu]
  - Bandar
  - Kanak-kanak yang tinggal di kawasan miskin
  - Kanak-kanak yang tinggal di kawasan terpencil atau pulau terpencil
  - Kanak-kanak yang tinggal jauh dari tempat biasa
  - Kanak-kanak tidak berumah
  - Kanak-kanak yang ditinggalkan
  - Kanak-kanak yang diletakkan dalam jagaan alternatif / pilihan lain
  - Kanak-kanak etnik minoriti yang diletakkan dalam jagaan alternatif / pilihan lain
  - Kanak-kanak yang diletakkan di dalam institusi
  - Kanak-kanak yang tinggal dan atau bekerja di jalanan
- Kanak-kanak yang terlibat terutamanya di dalam sistem keadilan juvana
  - Kanak-kanak yang kebebasannya terhalang
  - Kanak-kanak yang terdedah dalam konflik bersenjata
  - Kanak-kanak yang bekerja
  - Kanak-kanak yang terdedah pada keganasan
  - Kanak-kanak peminta sedekah
- Kanak-kanak yang terlibat dengan HIV / AIDS
- Kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa penghidap HIV / AIDS
- Ibu tunggal muda
- Golongan minoriti termasuk
  - Kanak-kanak Roma / Gipsi / Pengembara / Kanak-kanak Nomad
  - Kanak-kanak dari komuniti asal [ASLI]



## Maklumat:

UNESCO Bangkok: <http://www.unescobkk.org/ie>  
IDP Norway: <http://www.idp-europe.org/symposium>  
IDP Norway: <http://www.idp-europe.org/eenet>

# Secara Keseluruhan

## Seminar IDDC untuk Pendidikan Menyeluruh

[http://www.eenet.org.uk/theory\\_practice/agra/agra.shtml](http://www.eenet.org.uk/theory_practice/agra/agra.shtml)

## Inclusive Education - Where there are few resources


[http://www.eenet.org.uk/theory\\_practice/ie\\_few\\_resources.pdf](http://www.eenet.org.uk/theory_practice/ie_few_resources.pdf)

“Dalam sebuah sekolah yang Menuju Inklusi kualitas pendidikan sebaiknya disediakan di lingkungan yang mesra terhadap pembelajaran dimana kepelbagaiannya dialami, tercakup dan dikenal dalam memperkaya semua yang terlibat. Kurikulum serta metode dan pendekatan pengajaran dikarakteristik dengan menekankan pada aspek sosial pembelajaran, dialog, kesensitifan terhadap kebutuhan dan ketertarikan anak, cara berbagi daripada sekedar bersaing serta kreatif dan guru yang fleksibel dan manajemen kelas. Seluruh anak, juga anak yang mengalami hambatan dalam belajar, perkembangan dan partisipasi, termasuk kanak-kanak penyandang cacat, mempunyai hak yang sama untuk kualitas pendidikan dalam sebuah sekolah yang dekat dari rumahnya dan sesuai untuk usianya.” [Oleh Miriam Donath Skjørten, 2005]

## Pendidikan Khas


### Pendidikan Khas

- Kanak-kanak istimewa;
- Sistem yang hanya sesuai untuk mereka sahaja;
- Guru khas;
- Sekolah khas.



### ‘Pendidikan Normal’


- Kanak-kanak normal;
- Sistem yang hanya sesuai untuk mereka sahaja;
- Guru-guru biasa;
- Sekolah-sekolah biasa.




## Pendidikan Bersepadu

- Mengubah kanak-kanak supaya menyesuaikan diri dengan sistem;
- Menyesuaikan kanak-kanak dengan sistem;

- Sistem kekal sama;
- Kanak-kanak mesti beradaptasi atau gagal.



## Pendidikan Menyeluruh



- Kanak-kanak adalah berbeza;
- Semua kanak-kanak boleh belajar;
- Kebolehan, kumpulan etnik, saiz, umur, latarbelakang, jantina yang berbeza;
- Mengubah sistem agar sesuai dengan kanak-kanak.

## Daripada Buku Kecil Pengenalan Menghadapi Kepelbagaian : Alat bantuan UNESCO untuk Membentuk Persekutaran Lengkap, Mesra-Pembelajaran

Lengkap, Persekutaran Mesra-Pembelajaran (ILFE) menyambut, memelihara, dan mendidik semua kanak-kanak tanpa menghiraukan jantina, fizikal, intelektual, sosial, emosi, linguistik, atau ciri-ciri lain mereka. Mereka mungkin kurang upaya atau kanak-kanak berbakat, kanak-kanak jalanan atau yang bekerja, kanak-kanak jauh atau nomad, kanak-kanak dari kumpulan bahasa, etnik atau kebudayaan minoriti, kanak-kanak yang dijangkiti HIV/AIDS, atau kanak-kanak kurang bernasib baik atau dari kawasan atau kumpulan yang terpinggir.

### Tindakan Lengkap yang lebih ProAktif

- Mencari semua kanak-kanak yang terkecuali dari pendidikan.
- Mempromosikan hak-hak dan kesejahteraan semua kanak-kanak dalam masyarakat.
- Menghormati kepelbagaian dan memastikan peluang yang sama rata.
- Menyediakan pendidikan yang percuma dan wajib, mampu dan boleh didapati.

### Kesihatan, Keselamatan dan Perlindungan

- Kemudahan kebersihan yang bersih
- Mendapatkan air minuman yang bersih
- Tiada hukuman dera atau buli
- Pencegahan HIV dan AIDS dan tiada diskriminasi untuk kanak-kanak yang terkena/dijangkiti HIV dan AIDS

### Penyertaan Masyarakat

- Fokus terhadap Keluarga:
  - Berusaha untuk mengukuhkan keluarga sebagai penjaga utama kepada anak dan pendidik
  - Membantu kanak-kanak, ibu bapa dan guru-guru mewujudkan hubungan yang harmoni dan kolaboratif
- Asas Kepada Masyarakat:
  - Menggalakkan perkongsian tempatan di dalam pendidikan
  - Bertindak di dalam dan bersama masyarakat demi kanak-kanak

## Sekolah Mesra Kanak-Kanak

### Menghadapi Kepelbagaian: Alat bantuan UNESCO untuk Membentuk Persekutaran Lengkap, Mesra-Pembelajaran

<http://www2.unescobkk.org/elib/publications/032revised>

### Efektif dan Berteraskan-Kanak-kanak

- Bertindak mengikut kepentingan terbaik kanak-kanak.
- Ambil berat terhadap keseluruhan ‘anak’: kesihatan, tahap pemakanan dan kesejahteraan
- Ambil aberat akan apa yang berlaku terhadap kanak-kanak sebelum mereka masuk ke sekolah dan selepas mereka meninggalkan sekolah
- Kaedah-kaedah pembelajaran di dalam kelas yang kreatif

### Sambutan Terhadap Jantina

- Mempromosi kesamarataan jantina dalam penyertaan dan pencapaian
- Bukan hanya bilangan yang sama, tetapi juga kandungan di dalam ekuiti
- Menghapuskan stereotaip jantina
- Menjamin kemudahan-kemudahan yang mesra-perempuan, kurikulum, buku-buku teks dan pengajaran

### Sistem-sistem yang Mesra-Anak-anak

- Dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang mesra-kanak-kanak
- Kurikulum yang fleksibel
- Sistem penilaian dan peperiksaan yang mesra-anak-anak
- Menjamin akses untuk semua kanak-kanak ke sekolah berdekatan
- Kolaborasi antara sistem-sistem pendidikan, kesihatan dan kebajikan

# Peraturan Piawaian Terhadap Peluang-Peluang Sama Rata Bagi Orang-orang Kurang Upaya

## Peraturan 1: Meningkatkan Kesedaran

Negeri-negeri seharusnya mengambil tindakan untuk meningkatkan kesedaran dalam masyarakat mengenai orang-orang kurang upaya, hak-hak mereka, keperluan-keperluan mereka, potensi mereka dan sumbangan mereka.

## Peraturan 2: Rawatan perubatan

Negeri-negeri perlu memastikan peruntukan rawatan perubatan yang efektif untuk orang-orang kurang upaya.

## Peraturan 3: Pemulihan

Negeri-negeri perlu memastikan peruntukan perkhidmatan pemulihan untuk orang-orang kurang upaya bagi membolehkan mereka mencapai dan mengekalkan tahap berdikari dan fungsi mereka yang optimum.

## Peraturan 4: Perkhidmatan sokongan

Negeri-negeri perlu memastikan pembangunan dan bekalan untuk khidmat sokongan, termasuk alat-alat bantuan untuk orang-orang kurang upaya, untuk membantu mereka untuk meningkatkan tahap berdikari dalam kehidupan sehari-hari mereka dan untuk melaksanakan hak-hak mereka.

## Peraturan 5: Kebolehcapaian

Negeri-negeri harus mengiktiraf kepentingan keseluruhan kebolehcapaian dalam proses penyamaan peluang-peluang dalam semua sfera-sfera masyarakat. Untuk apa jua jenis orang-orang yang kurang upaya, negeri-negeri seharusnya (a) memperkenalkan program tindakan untuk menjadikan persekitaran fizikal boleh dicapai; dan (b) menjalankan langkah-langkah untuk menyediakan akses untuk maklumat dan komunikasi.

## Peraturan 6: Pendidikan

Negeri-negeri seharusnya mengakui lunas dalam menyamai peluang-peluang pendidikan rendah, menengah dan tinggi untuk kanak-kanak, remaja dan belia yang kurang upaya, yang berlatarbelakangkan kesepadan. Mereka perlu memastikan bahawa pendidikan untuk orang-orang kurang upaya merupakan bahagian penting sistem pendidikan.

## Peraturan 7: Perjawatan

Negeri-negeri harus mengakui dasar bahawa orang-orang kurang upaya mesti diberikan kuasa untuk melaksanakan hak asasi manusia mereka, terutamanya dalam bidang pekerjaan. Di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar mereka mesti mempunyai peluang yang sama rata bagi pekerjaan yang produktif dan mengunggulkan dalam pasaran buruh.

## Peraturan 8: Penyelenggaraan pendapatan dan keselamatan sosial

Negeri-negeri adalah bertanggungjawab dalam menyediakan peruntukan keselamatan sosial dan penyelenggaraan pendapatan untuk orang-orang kurang upaya.

## Peraturan 9: Kehidupan keluarga dan integriti peribadi

Negeri-negeri harus menggalakkan penyertaan penuh orang-orang kurang upaya dalam kehidupan berkeluarga. Mereka harus menggalakkan hak untuk integriti peribadi mereka dan memastikan bahawa undang-undang tidak mendiskriminasi orang-orang kurang upaya tersebut dengan hubungan-hubungan seksual, perkahwinan dan keibubapaan.

## Peraturan 10: Budaya

Negeri-negeri akan memastikan bahawa orang-orang kurang upaya diintegrasikan ke dalam dan boleh menyertai aktiviti-aktiviti kebudayaan di satu asas persamaan.

## Peraturan 11: Rekreasi dan sukan

Negeri-negeri akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa orang-orang kurang upaya mempunyai peluang yang sama rata untuk beriadah dan bersukan.

## Peraturan 12: Agama

Negeri-negeri akan menggalakkan langkah-langkah penyertaan sama rata orang-orang kurang upaya dalam kehidupan keagamaan kaum-kaum mereka.

## Peraturan 13: Maklumat dan penyelidikan

Negeri-negeri mengandaikan tanggungjawab terpenting untuk koleksi dan penyebaran

maklumat terhadap keadaan hidup orang-orang kurang upaya dan menggalakkan penyelidikan meluas tentang semua aspek, termasuk halangan yang mempengaruhi hidup orang-orang kurang upaya.

#### Peraturan 14: Dasar Pembuatan dan perancangan

Negeri-negeri akan memastikan aspek-aspek kecacatan terkandung di dalam semua dasar pembuatan dan perancangan kebangsaan yang relevan.

#### Peraturan 15: Perundangan

Negeri-negeri mempunyai tanggungjawab untuk mencipta pengesahan asas untuk langkah-langkah untuk mencapai matlamat-matlamat penyertaan penuh dan sama rata untuk orang-orang kurang upaya.

#### Peraturan 16: Dasar ekonomi

Negara-negara mempunyai tanggungjawab kewangan untuk program-program kebangsaan dan langkah-langkah untuk mencipta peluang-peluang sama rata bagi orang-orang kurang upaya.

#### Peraturan 17: Penyelarasaran kerja

Negeri-negeri adalah bertanggungjawab untuk penubuhan dan pengukuhan jawatankuasa-jawatankuasa koordinasi negara, atau badan-badan serupa, untuk berkhidmat sebagai satu titik fokus negara pada perkara-perkara yang meibatkan kecacatan.

#### Peraturan 18: Pertubuhan-pertubuhan orang-orang kurang upaya

Negeri-negeri harus mengakui hak pertubuhan-pertubuhan orang-orang kurang upaya untuk mewakili orang-orang kurang upaya di peringkat kebangsaan, daerah dan tempatan. Negeri-negeri juga harus mengakui peranan penasihat pertubuhan-pertubuhan orang-orang kurang upaya dalam membuat keputusan pada perkara-perkara yang melibatkan kecacatan.

#### Peraturan 19: Latihan kakitangan

Negeri-negeri adalah bertanggungjawab bagi memastikan latihan kakitangan adalah

mencukupi, di semua peringkat, terlibat di dalam perancangan dan menyediakan peruntukan program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan orang-orang kurang upaya.

#### Peraturan 20: Pengawasan dan pemantauan kebangsaan untuk program-program kecacatan dalam melaksanakan Peraturan Negeri-negeri adalah bertanggungjawab bagi pengawasan dan penilaian berterusan terhadap pelaksanaan program-program kebangsaan dan perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan kesamarataan peluang-peluang bagi orang-orang kurang upaya.

#### Peraturan 21: Kerjasama teknikal dan ekonomi

Negeri-negeri, perindustrian dan membangun, mempunyai tanggungjawab untuk bekerjasama dalam dan mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan hidup orang-orang kurang upaya di negara-negara membangun.

#### Peraturan 22: Kerjasama antarabangsa

Negeri-negeri akan menyertai dengan aktif dalam kerjasama antarabangsa berkaitan dasar-dasar untuk menjadikan peluang-peluang bagi orang-orang kurang upaya sama rata.



gambar oleh Kerajaan Malaysia

#### Versi Penuh:

<http://www.un.org/esa/socdev/enable/dissre00.htm>

#### Maklumat:

UN: <http://www.un.org/disabilities/convention>

UN: <http://www.un.org/esa/socdev/enable>

# Konvensyen PBB ke atas Hak-hak Orang Kurang Upaya

## Perkara 5: Kesamarataan dan tidak berdiskriminasi

1. Parti-parti Negeri mengiktiraf iaitu semua orang sama-rata dihadapan dan dibawah undang-undang dan berhak tanpa sebarang diskriminasi terhadap perlindungan yang sama rata dan faedah yang sama rata terhadap undang-undang.
2. Parti-parti Negeri akan menghalang semua diskriminasi yang berdasarkan ketidakupayaan dan menjamin mereka yang kurang upaya kesamarataan dan perlindungan undang-undang yang efektif terhadap apa jua bentuk diskriminasi. [...]
3. Untuk menggalakkan kesamarataan dan menghapuskan diskriminasi, Parti-parti Negeri akan mengambil segala langkah-langkah yang sesuai bagi menjamin keperluan yang bersesuaian disediakan.

## Perkara 7: Kanak-kanak yang kurang upaya

1. Parti-parti Negeri akan mengambil semua langkah-langkah perlu bagi menjamin keseronokan penuh oleh kanak-kanak yang kurang upaya semua hak-hak asasi manusia dan kebebasan asasi di atas persamaan asasi dengan kanak-kanak yang lain.
2. Dalam semua tindakan berkaitan dengan kanak-kanak yang kurang upaya, kepentingan terbaik kanak-kanak itu akan menjadi satu pertimbangan utama. [...]

## Perkara 9: Kebolehcapaian

1. Bagi membolehkan orang-orang yang kurang upaya untuk hidup berdikari dan terlibat secara penuh di dalam semua aspek kehidupan [...] Langkah-langkah ini [...] akan digunakan, antara lain:
  - a. Bangunan-bangunan, jalan-jalan, pengangkutan dan kemudahan-kemudahan luar dan tertutup, termasuk sekolah-sekolah, perumahan, kemudahan-kemudahan perubatan dan tempat kerja;
  - b. Maklumat, komunikasi dan perkhidmatan lain, termasuk perkhidmatan elektronik dan perkhidmatan kecemasan.
2. Parti-parti Negeri juga akan mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian untuk:
  - a. Membangunkan, mengumumkan dan memantau pelaksanaan piawaian minimum dan garis panduan bagi kebolehcapaian kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-

- perkhidmatan terbuka atau disediakan kepada orang ramai;
- b. Memastikan entiti-entiti swasta yang menawarkan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang terbuka atau yang disediakan kepada orang ramai mengambilkira semua aspek-aspek kebolehcapaian orang-orang kurang upaya;
  - c. Menyediakan latihan untuk pemegang saham terhadap isu-isu kebolehcapaian dalam menghadapi orang-orang kurang upaya;
  - d. Menyediakan di dalam bangunan-bangunan dan kemudahan-kemudahan lain yang terbuka kepada orang ramai tanda-tanda dalam tulisan Braille dan bentuk yang mudah dibaca dan difahami;
  - e. Menyediakan dalam bentuk bantuan secara langsung dan tidak, termasuk panduan-panduan, pembaca-pembaca dan jurubahasa-jurubahasa bahasa isyarat yang profesional, untuk memudahkan kebolehcapaian di bangunan-bangunan dan kemudahan-kemudahan umum lain kepada orang ramai; [...]
  - g. Menggalakkan akses untuk orang-orang yang kurang upaya kepada maklumat baru dan teknologi-teknologi komunikasi dan sistem-sistem, termasuk Internet;
  - h. Menggalakkan reka bentuk, pembangunan, pengeluaran dan pengedaran maklumat dan teknologi-teknologi komunikasi dan sistem-sistem yang boleh didapati di peringkat awal, supaya teknologi-teknologi dan sistem-sistem ini menjadi boleh didapati pada kos yang minimum.

## Perkara 19 - Hidup secara berdikari dan tergolong dalam masyarakat

Parti-parti Negeri kepada Konvensyen ini mengiktiraf hak sama rata kesemua orang-orang kurang upaya untuk hidup dalam masyarakat, dengan pilihan yang sama dengan orang lain, dan boleh mengambil tindakan yang efektif [...]:

- a. Orang-orang kurang upaya mendapat peluang untuk memilih tempat kediaman mereka serta di mana dan dengan siapa mereka tinggal di atas satu asas persamaan dengan lain-lain dan tidak diwajibkan untuk hidup di dalam satu susunan hidup tertentu;
- b. Orang-orang kurang upaya mendapat akses untuk satu julat di rumah, kediaman dan perkhidmatan sokongan yang lain, termasuk bantuan peribadi yang penting untuk menyokong kehidupan dan penyertaan di

dalam masyarakat, dan untuk mencegah pemencilan atau pengasingan daripada masyarakat;  
c. Khidmat masyarakat dan kemudahan-kemudahan untuk populasi umum boleh didapati di satu asas persamaan untuk orang-orang kurang upaya dan adalah responsif untuk keperluan-keperluan mereka.

#### Perkara 24 - Pendidikan

1. Parti-parti Negeri mengiktiraf hak orang-orang kurang upaya terhadap pendidikan. Dengan tujuan menyedari hak ini tanpa diskriminasi dan ke atas dasar peluang sama rata, Parti-parti Negeri akan memastikan satu sistem pendidikan yang menyeluruh di semua peringkat dan pembelajaran sepanjang hayat diarahkan kepada:  
a. Perkembangan penuh potensi manusia serta maruah dan harga diri, dan pengukuhan penghormatan untuk hak asasi manusia, kebebasan asasi dan kepelbagaian manusia;  
b. Pembangunan personality, bakat-bakat dan kreativiti, serta keupayaan mentak dan fizikal orang-orang kurang upaya, sehingga potensi penuh mereka.  
c. Membolehkan orang-orang kurang upaya untuk menyertai masyarakat bebas dengan efektif.  
2. Dalam menyedari hak ini, Parti-parti Negeri akan memastikan bahawa:  
a. Orang-orang kurang upaya tidak terkecuali daripada sistem pendidikan umum berdasarkan ketidakupayaan mereka, [...]  
b. Orang-orang kurang upaya boleh mengakses pendidikan rendah dan menengah yang menyeluruh, berkualiti dan percuma dengan asas yang sama dengan orang lain di dalam komuniti di mana mereka tinggal; [...]  
c. Langkah-langkah menyokong yang efektif disediakan di dalam persekitaran yang memaksimakan pembangunan akademik dan sosial, konsisten dengan matlamat rangkuman lengkap.  
3. Parti-parti Negeri akan membolehkan orang-orang kurang upaya mempelajari skil-skil pembangunan hidup dan sosial untuk memudahkan penyertaan penuh dan sama di dalam pendidikan dan sebagai ahli di dalam komuniti. Untuk tujuan ini, Parti-parti Negeri akan mengambil tindakan sewajarnya, termasuk:  
a. Memudahkan pembelajaran Braille, skrip alternatif, cara-cara agama dan alternatif, cara dan format-format komunikasi dan orientasi serta kemahiran-kemahiran mobiliti, dan memudahkan sokongan rakan sebaya dan

membimbing;

- b. Memudahkan pembelajaran bahasa isyarat dan mempromosikan identiti linguistik untuk komuniti orang pekak; [...]

#### Perkara 25 - Kesihatan

[...] Parti-parti Negeri akan mengambil segala langkah-langkah yang sesuai bagi menjamin akses untuk orang-orang kurang upaya untuk perkhidmatan kesihatan [...]

- 1. Menyediakan orang-orang kurang upaya dengan julat yang sama, kualiti dan piawaian penjagaan kesihatan yang percuma atau mampu mereka biayai dan program-program sekiranya disediakan kepada orang lain, termasuk dalam bidang kesihatan seksual dan reproduktif dan program kesihatan umum yang berasaskan populasi.
- 2. Menyediakan yang perkhidmatan kesihatan diperlukan oleh orang-orang kurang upaya secara khusus kerana ketidakupayaan mereka, termasuk pengenalan awal dan gangguan yang sesuai, dan perkhidmatan direka untuk meminimumkan dan menghalang ketidakupayaan seterusnya, termasuk di kalangan kanak-kanak dan orang-orang tua;
- 3. Menyediakan perkhidmatan kesihatan sehampir yang mungkin kepada komuniti-komuniti mereka sendiri, termasuk di kawasan luar bandar; [...]
- 4. Melarang diskriminasi terhadap orang-orang kurang upaya dengan menyediakan peruntukan insurans kesihatan, dan insurans hayat [...]



Versi Penuh:

<http://www.un.org/disabilities/convention/conventionfull.shtml>

# Konvensyen Orang Asli Dan Puak

## Perkara 7

[...] 2. Memperbaiki keadaan hidup dan kerja dan tahap kesihatan dan pendidikan golongan sasaran, dengan penyertaan dan kerjasama, akan menjadi keutamaan di dalam rancangan-rancangan untuk pembangunan ekonomi keseluruhan di tempat yang didiami mereka.[...]

## Perkara 25

1. Kerajaan seharusnya memastikan perkhidmatan kesihatan mencukupi dan tersedia untuk mereka yang terlibat, atau seharusnya menyediakan mereka dengan sumber-sumber untuk membenarkan mereka merangka dan menyampaikan perkhidmatan di bawah tanggungjawab dan kawalan mereka sendiri, supaya mereka boleh menikmati piawaian kesihatan fizikal dan mental yang terbaik.  
2. Perkhidmatan kesihatan harus, sebolehnya, berdasarkan komuniti. [...]

## Perkara 26

Langkah-langkah akan diambil untuk memastikan ahli masyarakat yang terlibat mempunyai peluang untuk mendapatkan pendidikan di semua tahap sekurang-kurangnya setaraf dengan komuniti yang lain di negara ini.

## Perkara 27

1. Program-program pendidikan dan perkhidmatan-perkhidmatan untuk golongan sasaran akan dibangunkan dan dilaksanakan dengan kerjasama mereka untuk memberi perhatian terhadap keperluan istimewa mereka, dan harus menitikberatkan latarbelakang mereka, pengetahuan dan teknologi mereka, sistem nilai yang digunakan mereka, dan aspirasi sosial, ekonomi dan kebudayaan mereka yang seterusnya. [...]  
3. Tambahan pula, kerajaan seharusnya mengiktiraf hak golongan ini untuk menubuhkan institusi pendidikan dan kemudahan mereka sendiri, [...]

## Perkara 28

1. Anak-anak golongan sasaran seharusnya, di mana-mana boleh diperlakukan, diajar membaca dan menulis di dalam bahasa asli atau bahasa paling biasa digunakan oleh

kumpulan mereka. Apabila ia tidak dapat diperlakukan, pihak berwajib seharusnya mengambil langkah berunding dengan mereka dengan tujuan untuk menerima langkah untuk mencapai objektif ini.

2. Langkah-langkah yang sepatutnya akan diambil untuk memastikan bahawa mereka mendapat peluang untuk menjadi fasih di dalam bahasa kebangsaan atau di dalam salah satu daripada bahasa rasmi negara.
3. Langkah-langkah akan diambil untuk mengekalkan dan menggalakkan pembangunan dan penggunaan bahasa-bahasa asli golongan sasaran ini.

## Perkara 29

Menyampaikan pengetahuan umum dan kemahiran-kemahiran yang akan membantu kanak-kanak golongan sasaran untuk menyertai sepenuhnya dan setaraf dengan komuniti mereka sendiri dan komuniti di dalam negara akan menjadi satu matlamat pendidikan untuk mereka.

## Perkara 30

1. Kerajaan seharusnya mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dengan tradisi dan kebudayaan golongan sasaran, untuk menerangkan kepada mereka hak-hak dan tanggungjawab mereka, terutama sekali berkaitan buruh, peluang-peluang ekonomi, pendidikan dan hal-hal kesihatan, kebijakan masyarakat dan hak-hak mereka yang mereka perolehi melalui konvensyen ini.
2. Sekiranya perlu, ini akan dilakukan secara terjemahan tersurat dan melalui penggunaan komunikasi massa di dalam bahasa-bahasa mereka.

## Perkara 31

Langkah-langkah pendidikan akan diambil di kalangan semua seksyen-seksyen komuniti negara, dan terutamanya di kalangan mereka yang berhubung secara langsung dengan golongan sasaran, dengan tujuan menghapuskan prasangka-prasangka terhadap mereka. Untuk tujuan ini, usaha-usaha akan dilakukan bagi menjamin buku teks sejarah dan bahan-bahan pendidikan lain menyediakan satu gambaran yang adil, tepat dan informatif

## Akta 134 - Akta Orang Asli 1954

<http://www.agc.gov.my/agc/oth/Akta/Vol.%203/Akta%20134.pdf>

Orang asli tidak boleh dilarang masuk ke mana-mana sekolah

17. (1) Tiada kanak-kanak orang asli boleh dihalang daripada pergi ke mana-mana sekolah semata-mata oleh sebab dia orang asli.  
 (2) Tiada kanak-kanak orang asli yang pergi ke mana-mana sekolah boleh diwajibkan menghadiri apa-apa pengajaran agama melainkan jika persetujuan bapanya atau ibunya, jika bapanya telah mati, atau penjaganya, jika kedua-dua ibu bapanya telah mati, telah dimaklumkan kepada Ketua Pengarah

terlebih dahulu dan disampaikan oleh Ketua Pengarah secara bertulis kepada guru besar sekolah yang berkenaan itu.

Kanak-kanak orang asli tidak boleh diambil sebagai anak angkat, dsb.

18. (1) Tiada seseorang yang bukan orang asli daripada kumpulan etnik yang sama boleh mengambil sebagai anak angkat atau mengambil alih pemeliharaan, penjagaan atau pengawalan manamana kanak-kanak orang asli kecuali dengan persetujuan Ketua Pengarah [...]

## Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Ke atas Hak-hak Orang Asli - 2007

<http://www.ohchr.org/english/issues/indigenous/docs/draftdeclaration.pdf>

### Perkara 2

Orang-orang asli dan individu-individu adalah bebas dan sama dengan orang dan individu yang lain dan mempunyai hak untuk bebas dari sebarang bentuk diskriminasi, dalam menjalankan hak-hak mereka, khususnya yang berdasarkan asal atau identiti asli mereka.

### Perkara 6

Setiap individu orang asli mempunyai hak untuk mendapatkan kewarganegaraan.

### Perkara 14

1. Orang-orang asli mempunyai hak untuk menubuhkan dan mengawal sistem-sistem dan institusi-institusi pendidikan mereka jika pendidikan dijalankan dalam bahasa mereka sendiri, di dalam cara yang sesuai dengan budaya pengajaran dan pembelajaran mereka.
2. Individu-individu asli, khususnya kanak-kanak, berhak untuk semua tahap dan bentuk pendidikan negeri tanpa diskriminasi.
3. Negeri-negeri akan, dengan kerjasama orang-orang asli, mengambil langkah-langkah yang efektif, agar individu-individu asli, khususnya kanak-kanak, termasuk yang hidup di luar komuniti mereka, untuk mendapat akses, apabila mungkin, untuk satu pendidikan dalam budaya mereka sendiri dan disediakan dalam mereka bahasa sendiri.

### Perkara 22

1. Perhatian khusus akan diberi kepada hak-hak dan keperluan khas orang asli yang tua, wanita, remaja, kanak-kanak dan orang-orang kurang upaya dalam melaksanakan deklarasi ini.
2. Negeri-negeri akan mengambil langkah-langkah, dengan kerjasama orang-orang asli, untuk menjamin wanita dan kanak-kanak orang asli menikmati perlindungan penuh dan jaminan-jaminan daripada segala bentuk keganasan dan diskriminasi.



Versi penuh:

<http://www.ohchr.org/english/law/indigenous.htm>

# Persidangan Jenis-Jenis Terburuk Buruh Kanak-Kanak

## Artikel 3

Untuk tujuan persidangan ini, termasuk jenis-jenis terburuk buruh kanak-kanak merangkumi:

- (a) segala bentuk perhambaan atau sebarang amalan yang berbentuk perhambaan, seperti menjual dan memperdagangkan kanak-kanak, perhambaan akibat hutang dan hamba yang dipaksa atau wajib menjadi buruh, termasuk pengambilan kanak-kanak secara wajib atau paksaan untuk digunakan di dalam konflik bersenjata;
- (b) menggunakan, memperoleh atau menawarkan kanak-kanak untuk tujuan pelacuran, penerbitan bahan lucah atau untuk persembahan-persembahan lucah.
- (c) menggunakan, memperoleh atau menawarkan kanak-kanak untuk aktiviti-aktiviti haram, terutamanya di dalam penerbitan dan pengedaran dadah sebagaimana yang dijelaskan di dalam perjanjian antarabangsa;
- (d) pekerjaan apabila secara semulajadi atau mengikut keadaan, dilaksanakan akan menimbulkan bahaya kepada kesihatan, keselamatan atau moral kanak-kanak.

## Artikel 6

- 1. Setiap Ahli akan merekabentuk dan mengimplementasikan program-program tindakan untuk menghapuskan jenis-jenis terburuk buruh kanak-kanak sebagai tujuan utama.
- 2. Program-program tindakan tersebut akan direkabentuk dan diimplementasikan dengan rundingan bersama institusi kerajaan dan organisasi majikan dan pekerja, dengan mempertimbangkan pandangan yang bersesuaian daripada lain-lain kumpulan yang berkaitan.

## Artikel 7

- 1. Setiap Ahli akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menjamin keberkesanan implementasi dan penguatkuasaan yang memberi kesan kepada Persidangan ini termasuk peruntukan aplikasi kanun undang-undang atau lain-lain undang-undang yang bersesuaian.

- 2. Setiap Ahli akan, mengambil kira kepentingan pendidikan di dalam menghapuskan buruh kanak-kanak, mengambil langkah yang efektif dan batas masa untuk:
  - (a) menghalang penglibatan kanak-kanak di dalam jenis-jenis terburuk buruh kanak-kanak; menyediakan segala yang perlu dan bersesuaian.
  - (b) Bantuan terus untuk memindahkan kanak-kanak daripada jenis-jenis terburuk buruh kanak-kanak dan untuk rehabilitasi dan integrasi sosial mereka;
  - (c) Menjamin akses kepada pendidikan asas yang percuma, dan apabila sesuai, latihan vokasional untuk kesemua kanak-kanak yang dikeluarkan daripada jenis buruh kanak-kanak ini.
  - (d) Mengenalpasti dan menghulurkan bantuan kepada kanak-kanak yang berisiko tertentu; dan
  - (e) Mengambil kira situasi tertentu untuk kanak-kanak perempuan.
- 3. Setiap Ahli akan menempatkan pihak berkuasa yang cekap yang bertanggungjawab untuk mengimplementasikan persediaan yang berkaitan dengan persidangan ini.

### Maklumat Tambahan:

Rekomendasi Jenis-Jenis Terburuk Buruh Kanak-kanak - 1999

<http://www.ilo.org/ilolex/cgi-lex/convde.pl?R190>

- 2. Program tindakan yang dirujuk di dalam Artikel 6 Persidangan ini hendaklah direkabentuk dan diimplementasikan sebagai perkara yang penting, dengan rundingan bersama institusi kerajaan dan organisasi majikan dan pekerja, mempertimbangkan pandangan kanak-kanak yang terdedah terus kepada jenis-jenis terburuk buruh kanak-kanak, ahli keluarga mereka dan sekiranya sesuai, lain-lain kumpulan yang komited kepada sasaran utama Persidangan dan Cadangan ini. Program-program tersebut perlu mensasarkan kepada:
  - (a) mengenalpasti dan mengecam segala jenis buruh kanak-kanak;
  - (b) mencegah penglibatan kanak-kanak di dalam atau memindahkan mereka daripada segala bentuk buruh kanak-kanak, melindung mereka daripada sebarang pembalasan dan membiayai rehabilitasi dan integrasi sosial

mereka melalui langkah-langkah yang mengutarakan keperluan psikologi, fizikal dan pendidikan mereka;

(c) memberi perhatian yang lebih kepada;

- i. kanak-kanak yang masih kecil;
- ii. kanak-kanak perempuan;
- iii. masalah situasi kerja yang terlindung, di mana kanak-kanak perempuan adalah berisiko tinggi;
- iv. lain-lain kumpulan kanak-kanak yang mempunyai kelemahan dan keperluan tertentu;

(d) mengenalpasti, menghulurkan bantuan dan bekerjasama dengan komuniti di mana kanak-kanak adalah berisiko tinggi;

(e) memaklumkan, peka dan memobilisasikan pandangan umum dan kumpulan yang mengambil berat, termasuk kanak-kanak dan keluarga mereka.

3. Dalam menentukan jenis pekerjaan yang dirujuk di bawah Artikel 3(d) Persidangan ini, dan dalam mengenalpasti di mana kewujudan mereka, pertimbangan perlu diberi kepada:

(a) pekerjaan yang mendedahkan kanak-kanak kepada penderaan fizikal, psikologi dan seksual;

(b) pekerjaan di bawah tanah, di bawah air, pada ketinggian yang berbahaya atau di tempat yang tertutup;

(c) pekerjaan yang melibatkan mesin, kelengkapan dan peralatan berbahaya, atau yang melibatkan pengurusan atau pemindahan barang berat secara manual;

(d) pekerjaan di persekitaran yang tidak sihat yang boleh, sebagai contoh, mendedahkan kanak-kanak kepada bahan-bahan berbahaya, agen atau proses, atau kepada suhu, tahap kebisingan atau gegaran merosakkan, kepada kesihatan mereka;

(e) pekerjaan di bawah kondisi yang sukar seperti kerja untuk tempoh yang lama atau pada waktu malam atau pekerjaan di mana kanak-kanak ini dikurung di premis majikan mereka.

4. Untuk jenis pekerjaan yang dirujuk di bawah Artikel 3(d) Persidangan dan Perenggan 3 di atas, undang-undang negara atau pihak berkuasa yang cekap boleh, selepas rundingan bersama organisasi majikan dan pekerja yang terlibat, mengesahkan lantikan atau pekerjaan

daripada umur 16 tahun dengan syarat kesihatan, keselamatan dan moral kanak-kanak tersebut dilindungi sepenuhnya dan kanak-kanak tersebut telah menerima arahan spesifik atau latihan vokasional yang cukup di dalam aktiviti yang berkaitan.

12. Ahli harus maklum bahawa bentuk-bentuk buruh kanak-kanak di bawah adalah kesalahan jenayah:

(a) segala bentuk perhambaan atau sebarang amalan yang berbentuk perhambaan, seperti menjual dan memperdagangkan kanak-kanak, perhambaan akibat hutang dan hamba yang dipaksa atau wajib menjadi buruh, termasuk pengambilan kanak-kanak secara wajib atau paksaan untuk digunakan di dalam konflik bersenjata;

(b) menggunakan, memperoleh atau menawarkan kanak-kanak untuk tujuan pelacuran, penerbitan bahan lucah atau untuk persembahan-persembahan lucah.

(c) menggunakan, memperoleh atau menawarkan kanak-kanak untuk aktiviti-aktiviti haram, terutamanya di dalam penerbitan dan pengedaran dadah sebagaimana yang dijelaskan di dalam perjanjian antarabangsa; atau untuk aktiviti yang salah di sisi undang-undang seperti membawa atau menggunakan senjata api atau lain-lain senjata.



Versi Penuh:

<http://www.ilo.org/ilolex/cgi-lex/convde.pl?C182>  
<http://www.ilo.org/ilolex/cgi-lex/convde.pl?R190>

Maklumat:

ILO: <http://www.ilo.org>

ILO-IPEC: <http://www.ilo.org/public/english/standards/icode>

UNICEF: [http://www.unicef.org/protection/index\\_childlabour.html](http://www.unicef.org/protection/index_childlabour.html)

# Rang Undang-Undang Antipemerdagangan Orang

## Perkara 12

Mana-mana orang, yang memperdagangkan orang yang bukan merupakan seorang kanak-kanak, bagi maksud eksplotasi, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun, dan boleh juga didenda.

## Perkara 13

Mana-mana orang, yang memperdagangkan orang yang bukan merupakan seorang kanak-kanak, bagi maksud eksplotasi, dengan satu atau lebih cara yang berikut:

- (a) ancaman;
  - (b) penggunaan kekerasan atau bentuk paksaan yang lain;
  - (c) pemelarian;
  - (d) fraud;
  - (e) perdayaan;
  - (f) penyalahgunaan kuasa;
  - (g) penyalahgunaan kedudukan orang yang mudah terdedah kepada bahaya perbuatan pemerdagangan orang; atau
  - (h) pemberian atau penerimaan bayaran atau faedah bagi memperoleh kerelaan seseorang yang mempunyai kawalan ke atas orang yang diperdagangkan,
- melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun, dan boleh juga didenda.

## Perkara 14

Mana-mana orang, yang memperdagangkan orang yang merupakan seorang kanak-kanak, bagi maksud eksplotasi, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun, dan boleh juga didenda.

## Perkara 15

Mana-mana orang yang mendapatkan keuntungan daripada eksplotasi orang yang diperdagangkan melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum

dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun, dan boleh juga didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

## Article 17

Kelakuan seksual lampau orang yang diperdagangkan adalah tidak relevan dan tidak boleh diterima bagi maksud membuktikan bahawa orang yang diperdagangkan itu terlibat dengan kelakuan seksual lain atau untuk membuktikan kecenderungan seksual orang yang diperdagangkan itu.

## Perkara 21

(1) Mana-mana orang yang, secara langsung atau tidak langsung, menyediakan atau mengadakan perkhidmatan atau kemudahan kewangan (a) dengan niat bahawa perkhidmatan atau kemudahan itu akan digunakan, atau mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa perkhidmatan atau kemudahan itu akan digunakan, secara keseluruhan atau sebahagian, bagi maksud melakukan atau memudahkan pelakuan suatu perbuatan pemerdagangan orang, atau bagi maksud memanfaatkan mana-mana orang yang melakukan atau memudahkan pelakuan suatu perbuatan pemerdagangan orang; atau (b) mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa, secara keseluruhan atau sebahagian, perkhidmatan atau kemudahan itu akan digunakan oleh atau akan memanfaatkan mana-mana orang yang terlibat dalam suatu perbuatan pemerdagangan orang, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun, dan boleh juga didenda.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), "perkhidmatan atau kemudahan kewangan" termasuklah perkhidmatan atau kemudahan yang ditawarkan oleh peguam atau akauntan yang bertindak sebagai penama atau ejen kepada klien mereka.

**Perkara 25**

Orang yang diperdagangkan tidak boleh dikenakan pendakwaan jenayah berkenaan dengan

- (a) kemasukan secara haram orang itu ke dalam negara penerima;
- (b) tempoh pemastautinan orang itu yang tidak sah di negara penerima; atau
- (c) pemerolehan atau pemilikan apa-apa dokumen perjalanan atau pengenalan diri fraud yang diperolehnya, atau apa-apa dokumen perjalanan atau pengenalan diri fraud yang dibekalkan kepadanya, bagi maksud memasuki negara penerima,

jika perbuatan sedemikian adalah akibat langsung daripada sesuatu perbuatan peraerdagangan orang yang dikatakan dilakukan atau telah dilakukan.

**Perkara 42**

(1) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, mengisyiharkan mana-mana rumah, bangunan atau tempat, atau mana-mana bahagian rumah, bangunan atau tempat itu, menjadi tempat perlindungan bagi jagaan dan perlindungan orang yang diperdagangkan dan boleh, dengan cara yang sama, mengisyiharkan bahawa tempat perlindungan itu terhenti menjadi suatu tempat perlindungan.  
 (2) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, mengarahkan pengasingan kategori berlainan orang yang diperdagangkan, antara lain, mengikut umur dan jantina sama ada di tempat perlindungan yang sama atau di tempat perlindungan yang berlainan.

**Perkara 53**

(1) Jika orang yang diperdagangkan yang ditempatkan di tempat perlindungan ialah seorang warganegara atau pemastautin tetap Malaysia, ibu atau bapa, penjaga atau saudara orang itu boleh, pada bila-bila masa, membuat suatu permohonan kepada Mahkamah Majistret untuk meletakkan orang itu ke dalam jagaan ibu atau bapa, penjaga atau saudara orang itu.  
 (2) Ibu atau bapa, penjaga atau saudara orang yang diperdagangkan itu hendaklah menyerahkan satu salinan permohonan itu kepada Pegawai Pelindung. [...]

**Perkara 58**

(1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, apa-apa laporan media massa mengenai

- (a) apa-apa langkah yang diambil berhubung dengan orang yang diperdagangkan dalam mana-mana presiding sama ada pada peringkat sebelum perbicaraan, perbicaraan atau selepas perbicaraan;
- (b) mana-mana orang yang diperdagangkan yang berkenaan dengannya jagaan atau perlindungan diberikan di bawah Bahagian V; atau
- (c) apa-apa perkara lain di bawah Akta ini, tidak boleh mendedahkan nama atau alamat, atau memasukkan apaapa butiran yang dikira boleh membawa kepada pengenalpastian mana-mana orang yang diperdagangkan yang terlibat sedemikian sama ada sebagai orang yang diperdagangkan atau sebagai seorang saksi dalam mana-mana prosiding.

## (2) Gambar

(a) mana-mana orang yang diperdagangkan dalam mana-mana perkara yang disebut dalam subseksyen (1); atau  
 (b) mana-mana orang, tempat atau benda lain yang mungkin membawa kepada pengenalpastian orang yang diperdagangkan, tidak boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar atau majalah atau disampaikan melalui apa-apa perantara elektronik. [...]



gambar oleh PROSTAR

## Versi Penuh:

<http://www.parlimen.gov.my/billindex/pdf/DR%20072007.pdf>

# Persidangan untuk Menghapuskan Segala Bentuk Diskriminasi ke atas Wanita

## Artikel 5

Pihak AS akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian:

- (a) Untuk mengubahsuai corak sosial dan budaya kelakuan lelaki dan wanita, dengan pandangan untuk mencapai penghapusan sikap kebiasaan dan prejudis dan lain-lain amalan yang berasaskan kepada idea ketinggian pangkat ke atas mana-mana jantina atau peranan stereotaip untuk lelaki dan wanita;
- (b) Untuk menjamin bahawa pendidikan keluarga merangkumi pemahaman yang betul tentang kehamilan sebagai satu fungsi sosial dan pengakuan tanggungjawab tertentu oleh lelaki dan wanita di dalam pembesaran dan pembangunan anak-anak mereka, ianya difahamkan bahawa minat kanak-kanak itu haruslah dijadikan pertimbangan yang paling utama di dalam setiap kes.

## Artikel 9

1. Pihak AS akan memberikan wanita hak yang sama dengan lelaki untuk mendapatkan, menukar atau mengekalkan kewarganegaraannya. Seseorang wanita itu tidak boleh dipaksa untuk melepaskan kewarganegaraannya atau dipaksa untuk mengikut kewarganegaraan suaminya. Sekiranya wanita tersebut berkahwin dengan makhluk asing atau si suami menukar kewarganegaraannya pun, ianya tetap tidak akan mengubah kewarganegaraan wanita tersebut secara automatik.

2. Pihak AS akan memberikan wanita hak yang sama dengan lelaki berhubung kewarganegaraan anak-anak mereka.

## Artikel 10

Pihak AS akan mengambil kesemua langkah-langkah yang bersesuaian untuk menghapuskan diskriminasi terhadap kaum wanita, untuk memberi jaminan kepada mereka hak yang sama dengan kaum lelaki di dalam bidang pendidikan, terutamanya untuk menjamin, dasar kesaksamaan kaum lelaki dan wanita:

- (a) Syarat-syarat yang sama untuk bimbingan karier dan vokasional, untuk akses kepada pengajian dan untuk mencapai ke tahap diploma di dalam semua kategori pendidikan, di kawasan bandar atau luar bandar; kesaksamaan ini akan dijamin di pra-sekolah,

umum, teknikal, profesional dan pendidikan tinggi teknikal, serta semua jenis latihan vokasional.

- (b) Akses kepada ko-kurikulum yang sama, peperiksaan yang sama, tenaga pengajar dengan kelayakan standard yang sama dan premis sekolah serta peralatan yang sama berkualiti;
- (c) Menghapuskan segala konsep stereotaip berhubung peranan lelaki dan wanita di setiap lapisan dan bentuk pendidikan dengan menggalakkan pendidikan bersama dan lain-lain jenis pendidikan yang akan membantu mencapai sasaran ini, terutamanya di dalam semakan buku-buku teks dan program sekolah dan pengadaptasian kaedah pembelajaran;
- (d) Peluang yang sama untuk diperolehi melalui biasiswa dan lain-lain peruntukan pendidikan;
- (e) Peluang yang sama untuk akses kepada program pendidikan lanjutan, termasuk program fungsian celik huruf untuk dewasa, terutamanya yang mensasarkan untuk menurunkan, sebarang perbezaan di dalam pendidikan yang sediada di antara lelaki dan wanita, untuk tempoh masa yang terdekat;
- (f) Pengurangan kadar jumlah pelajar perempuan yang kandas dan penyediaan program-program untuk kanak-kanak perempuan dan wanita yang meninggalkan sekolah terlalu awal.
- (g) Peluang yang sama untuk terlibat secara aktif di dalam sukan dan pendidikan fizikal;
- (h) Akses kepada maklumat pendidikan yang spesifik bagi membantu untuk menjamin kesihatan dan kesejahteraan keluarga, termasuk maklumat dan nasihat berhubung perancangan keluarga.

## Artikel 12

- 1. Pihak AS akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk menghapuskan diskriminasi terhadap wanita di dalam bidang penjagaan kesihatan bagi menjamin akses kepada perkhidmatan jagaan kesihatan termasuk yang berkaitan dengan perancangan keluarga berdasarkan kepada dasar kesaksamaan di antara lelaki dan wanita.
- 2. Meskipun pernyataan di dalam Perenggan 1 artikel ini, Pihak AS tetap akan menjamin perkhidmatan yang bersesuaian berhubung kehamilan, tempoh melahirkan dan lepas kelahiran, memberikan perkhidmatan percuma apabila perlu, serta nutrisi dan tempoh laktasi

yang mencukupi sepanjang tempoh kehamilan kepada wanita.

#### Artikel 16

1. Pihak AS akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk menghapuskan diskriminasi terhadap wanita di dalam perkara berkaitan perkahwinan dan hubungan kekeluargaan dan berdasarkan kepada asas kesaksamaan di antara lelaki dan wanita, secara spesifiknya untuk menjamin;
  - (a) Hak yang sama untuk berkahwin;
  - (b) Hak yang sama, bebas untuk memilih pasangan untuk berkahwin dengan kebenaran mereka sepenuhnya
  - (c) Hak yang sama dan tanggungjawab sepanjang tempoh perkahwinan dan ketika perceraian;
  - (d) Hak yang sama dan tanggungjawab sebagai ibu bapa, tanpa mengira status perkahwinan mereka, di dalam perkara berkaitan anak-anak mereka; di dalam semua kes, kepentingan anak-anak adalah yang paling utama;
  - (e) Hak yang sama untuk membuat keputusan secara bebas dan bertanggungjawab dalam menentukan bilangan dan jarak anak-anak mereka dan untuk mempunyai akses kepada maklumat, pendidikan dan cara untuk membolehkan mereka menggunakan hak-hak ini;
  - (f) Hak yang sama dan tanggungjawab berhubung hak penjagaan, anak jagaan, pengambilan anak angkat dan pemegang amanah kanak-kanak, atau institusi yang sama di mana konsep ini wujud di dalam undang-undang negara; di dalam semua kes, kepentingan anak-anak adalah yang paling utama;
  - (g) Hak peribadi yang sama sebagai suami dan isteri, termasuk hak untuk memilih nama keluarga, kerjaya dan pekerjaan;
  - (h) Hak yang sama untuk kedua-dua pasangan di dalam perkara berhubung hakmilik, perolehan, pengurusan, administrasi, keseronokkan dan pelupusan harta, samada secara percuma atau untuk pertimbangan yang berharga.
2. Pertunangan dan perkahwinan anak-anak tidak akan mempunyai kesan legal dan tindakan yang bersesuaian termasuk undang-undang, akan diambil untuk menetapkan umur minimum untuk perkahwinan dan membuatkan pendaftaran perkahwinan di dalam daftar rasmi sebagai wajib.

#### Deklarasi Beijing ke atas 4 Conference on Women 1995

27. Menggalakkan pembangunan berasaskan manusia yang berterusan, termasuk pertumbuhan ekonomi yang berterusan, melalui penyediaan pendidikan dasar, pendidikan seumur-hidup, latihan dan celik huruf, dan jagaan kesihatan yang utama untuk kanak-kanak perempuan dan wanita;
30. Menjamin akses dan rawatan yang sama untuk wanita dan lelaki di dalam pendidikan dan jagaan kesihatan dan untuk meningkatkan kesihatan seksual dan pemberian wanita serta pendidikan;
32. Meninggikan usaha bagi membolehkan wanita dan kanak-kanak perempuan yang berhadapan dengan pelbagai halangan untuk berkuasa dan maju disebabkan oleh faktor bangsa, umur, bahasa, etnik, budaya, agama, kecacatan atau orang asli untuk menikmati kebebasan dan hak asasi yang sama.
34. Membentuk sepenuhnya potensi kanak-kanak perempuan dan wanita pada semua umur, menjamin penglibatan mereka yang saksama dan penuh di dalam membina sebuah dunia yang lebih baik untuk semua dan meningkatkan lagi peranan mereka di dalam proses pembangunan.



Versi Penuh:  
<http://www.ohchr.org/english/law/pdf/cedaw.pdf>

#### Maklumat:

- UN: <http://www.un.org/womenwatch/daw/beijing/platform>
- UN: <http://www.un.org/womenwatch/daw/beijing/index.html>
- UNGEI: <http://www.ungei.org>
- UNIFEM: <http://www.unifem.org>



**idpn** indonesia

BRAILLO ● NORWAY



**idpnorway**



United Nations  
Educational, Scientific and  
Cultural Organization

**Every child has the right:** To be born, to have a name and nationality; To have a family who will provide love and care; To live in a peaceful community and a wholesome environment; To have adequate food and a healthy and active body; To obtain a good education and develop my potential; To be given opportunities for play and leisure; To be protected against abuse, exploitation, neglect, violence and danger; To be defended and given assistance by the government; To be able to express my own views.

UNESCO Bangkok

920 Sukhumvit Road, Prakanong, Bangkok 10110, Thailand

E-mail: publications@unescobkk.org Website: [www.unescobkk.org](http://www.unescobkk.org)

Tel: +66 2 3910577 Fax: +66 2 3910866